A

HARIS PHUAH & YANG LAIN lwn. PHUAH CHOON MENG & SATU LAGI RAYUAN

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
MOHAMAD ZABIDIN MOHD DIAH HMR
HAS ZANAH MEHAT HMR
B S NANTHA BALAN HMR
[RAYUAN SIVIL NO: P-02(NCVC)(W)-221-02-2019
& P-02(NCVC)(W)-233-02-2019]
8 MEI 2023

C

Abstrak – *Akta Wasiat 1959 jelas memperuntukkan keperluan dalam penyediaan dan pelaksanaan wasiat. Pewasiat perlu dibuktikan mempunyai keupayaan berwasiat dan jika wujud apa-apa keadaan yang mencurigakan dalam penyempurnaan wasiat, itu perlu dibuktikan relevan dengan pembuatan wasiat itu sendiri. Jika wasiat yang telah sempurna dilaksanakan pernah dilihat atau dikesan berada dalam milikan pewasiat tetapi tidak dapat dikesan selepas kematian pewasiat, anggapan adalah wasiat asal itu telah dimusnahkan oleh pewasiat sendiri. Tanpa pengemukaan wasiat asal, anggapan ini tidak dapat dipatahkan.*

D

E

PEWARISAN: *Wasiat – Keesahan – Pertikaian berkaitan kewujudan dan keesahan – Pembacaan wasiat berdasarkan pendua wasiat – Sama ada wasiat asal wujud – Sama ada pendua wasiat memenuhi keperluan s. 5 Akta Wasiat 1959 – Sama ada si mati mempunyai keupayaan mental untuk berwasiat semasa wasiat dilaksanakan – Sama ada masalah kesihatan si mati menjejaskan keupayaan berwasiat – Sama ada terdapat keadaan mencurigakan dalam pembuatan wasiat – Sama ada pengaruh tidak wajar berkait penyempurnaan wasiat dibuktikan*

F

PEWARISAN: *Wasiat – Keesahan – Pertikaian berkaitan kewujudan dan keesahan – Wasiat asal tidak dijumpai – Salinan asli pernah dilihat dalam milikan pewasiat oleh benefisiari – Sama ada kegagalan mengesan salinan asal selepas kematian pewasiat membangkitkan anggapan wasiat asal dimusnahkan oleh pewasiat – Sama ada anggapan kemungkinan pewasiat memusnahkan wasiat berjaya dipatahkan*

G

H

Rayuan-rayuan ini adalah berkaitan kewujudan dan keesahan wasiat si mati, seorang wanita bujang yang mempunyai dua saudara lelaki, responden ('plaintif') dan perayu pertama ('defendan pertama'). Pada tahun 2015, si mati dikesan mempunyai 'blood disorder' dan meninggal dunia pada 3 Oktober 2016. Dua minggu sebelum si mati meninggal dunia, si mati berada di hospital untuk menerima rawatan untuk 'blood disorder'. Namun, pada 30 September 2016, tiga hari sebelum si mati meninggal dunia, terdapat pindah milik saham si mati dalam syarikat senaraian awam ke akaun

I

defendan pertama yang kemudiannya telah dibatalkan. SD1 adalah peguam yang menyediakan wasiat tersebut atas arahan si mati yang dikatakan telah disempurnakan pada 28 Mei 2013, tiga tahun sebelum kematiannya. Semasa plaintif hadir di pejabat SD1 untuk tujuan pembukaan dan pembacaan wasiat tersebut, plaintif dimaklumkan bahawa satu laporan polis telah dibuat oleh defendan pertama tentang kehilangan salinan asli wasiat tersebut, yang tidak ditemui hingga hari ini. Oleh itu, pembukaan wasiat adalah hanya berdasarkan pendua wasiat yang didakwa terdapat dalam simpanan di pejabat SD1. Plaintif, yang menafikan kewujudan salinan asli dan kesahihan wasiat tersebut, kemudiannya memfailkan tuntutan di Mahkamah Tinggi, memohon, antara lain: (i) deklarasi bahawa wasiat tersebut bukan wasiat sah si mati; (ii) deklarasi bahawa si mati meninggal dunia tanpa wasiat; (iii) deklarasi bahawa plaintif dan defendan pertama adalah benefisiari sah harta pusaka si mati; (iv) kebenaran untuk plaintif memohon surat kuasa mentadbir dan dinamakan sebagai pentadbir semua harta alih dan tidak alih si mati; dan (v) defendan mengembalikan harta alih dan harta tak alih si mati kepada estet si mati. Defendan-defendan memfailkan pembelaan dan tuntutan balas untuk antara lain: (i) deklarasi bahawa wasiat tersebut adalah wasiat sah si mati; dan (ii) perintah pembatalan kaveat plaintif atas harta pusaka si mati. Hakim Mahkamah Tinggi ('HMT') membenarkan sebahagian tuntutan plaintif dan menolak tuntutan balas defendan-defendan. Oleh itu, rayuan-rayuan ini oleh plaintif dan defendan-defendan.

Diputuskan (menolak rayuan-rayuan; mengesahkan perintah Mahkamah Tinggi)

Oleh Has Zanah Mehat HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Salinan pendua wasiat berkaitan tandatangan yang diletakkan, dari segi formatnya, mematuhi s. 5 Akta Wasiat 1959 ('Akta Wasiat'). Dua saksi telah menyaksikan tandatangan si mati, iaitu SD1 dan Yeoh Chooi Hong. Bawah s. 68 Akta Keterangan 1950, mencukupi dengan memanggil sekurang-kurangnya seorang saksi untuk membuktikan wasiat tersebut dibuat dengan teratur berdasarkan Akta Wasiat. Keperluan memanggil saksi kedua hanya berbangkit sekiranya saksi pertama yang dipanggil tidak dapat membuktikan pelaksanaan wasiat. Oleh itu, hujahan plaintif bahawa HMT terkhilaf apabila tidak membuat dapatan bahawa wasiat tersebut tidak sah dan terbatal kerana ketidakpatuhan Akta Wasiat, tidak dapat dipertahankan. (perenggan 48, 52 & 55)

(2) Hakim Mahkamah Tinggi, yang mendengar keterangan, melihat perilaku SD1 semasa memberi keterangan dan menilainya, berpendapat SD1 adalah saksi yang boleh dipercayai. Oleh itu, tiada sebab untuk HMT mengguna pakai anggapan bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 apabila saksi kedua, Yeoh Chooi Hong, tidak dipanggil. Malahan, selain alasan bahawa Yeoh Chooi Hong tidak dipanggil, plaintif tidak

mengemukakan apa-apa keterangan untuk mencabar keterangan SD1. SD1 juga tidak goyah apabila disoal balas tentang kehadiran si mati di pejabatnya. Oleh itu, tiada kesalahan jelas oleh HMT dari segi dapatan tentang kebolehterimaan keterangan SD1 dan kredibiliti SD1. Dakwaan ketidakpatuhan s. 5 Akta Wasiat tidak disokong keterangan kukuh dan hanya berdasarkan syak wasangka semata-mata. (perenggan 58 & 61)

(3) Plaintif gagal membuktikan bahawa si mati tiada keupayaan mental untuk berwasiat semasa wasiat dilaksanakan. Masalah kesihatan si mati, 'blood disorder', berlaku dua tahun selepas wasiat disempurnakan. Selanjutnya, masalah kesihatan tersebut tidak relevan kerana tidak melibatkan keadaan mental si mati. Tiada keterangan, dari segi keterangan perubatan atau sebaliknya, yang menunjukkan bahawa keadaan 'blood disorder' ini mengakibatkan si mati tiada keupayaan mental untuk menyempurnakan wasiatnya. Oleh itu, plaintif tidak berjaya menunjukkan bahawa dapatan HMT bertentangan dengan keberatan keterangan atau bertentangan dalam apa-apa jua cara pun. (perenggan 64)

(4) Apabila HMT menerima keterangan SD1 sebagai saksi yang boleh dipercayai, itu, dengan sendirinya melenyapkan kecurigaan dalam penyempurnaan wasiat dan defendan-defendan, sebagai pengaju wasiat, berjaya melepaskan beban pembuktian, atas imbangan kebarangkalian, bahawa wasiat itu disempurnakan oleh si mati. Fakta-fakta yang disandari plaintif tidak relevan dan tidak berkaitan dengan persediaan dan penyempurnaan wasiat tersebut. Fakta pindah milik saham yang disandari plaintif berlaku tiga tahun selepas persediaan dan penyempurnaan wasiat oleh si mati. Oleh itu, fakta tersebut bukanlah termasuk keadaan yang mencurigakan sekitar persediaan dan penyempurnaan wasiat tersebut yang menjadikan wasiat tersebut tidak sah. Tambahan lagi, tiada keterangan yang membuktikan bahawa defendan pertama yang membantu si mati menyediakan wasiat secara aktif, seperti mencadangkan terma-terma wasiat atau memilih peguam untuk penyediaan wasiat. (perenggan 68 & 72)

(5) Isu berkaitan pengaruh tidak wajar atau tidak berpatutan hendaklah berkait dengan pelaksanaan atau penyempurnaan wasiat. Jelas bahawa dakwaan plaintif tidak berkait langsung dengan pelaksanaan dan penyempurnaan wasiat apabila mendakwa defendan pertama pernah memaksa si mati menulis cek bagi pihak defendan pertama. Tambahan lagi, HMT telah menerima keterangan SD1 bahawa penyempurnaan wasiat oleh si mati dibuat tanpa apa-apa paksaan atau pengaruh tidak wajar. Oleh itu, tiada kesalahan jelas oleh HMT yang mewajarkan campur tangan dalam dapatan fakta tersebut. (perenggan 74 & 75)

(6) Apabila satu-satu wasiat telah sempurna dilaksanakan, dilihat atau dikesan kali terakhir berada dalam milikan pewasiat, tetapi atas kematiannya, tidak dapat dikesan, anggapan adalah wasiat itu telah dimusnahkan oleh pewasiat sendiri. Defendan-defendan memplidkan bahawa mereka telah melihat salinan asli wasiat yang disimpan di dalam laci di bilik si mati, tiga bulan sebelum kematiannya dan bahawa kunci laci tersebut dipegang oleh Sally Wong, menantu plaintif. Defendan-defendan gagal mencabar anggapan kemungkinan si mati telah memusnahkan wasiat itu apabila gagal mengemukakan wasiat asli. Kes defendan-defendan dilemahkan lagi apabila Sally Wong tidak dipanggil untuk menjelaskan ketiadaan wasiat asli dalam laci tersebut atau sampul yang didakwa mengandungi wasiat tersebut. (perenggan 82-84)

English *Headnotes*

The present appeals pertained to the existence and validity of the will of the deceased, a single woman, who had two brothers, the respondent ('plaintiff') and the first appellant ('defendant'). In 2015, the deceased was diagnosed with a 'blood disorder' and passed away on 3 October 2016. Two weeks before her passing, the deceased was in the hospital for the treatment of 'blood disorder'. However, on 30 September 2016, three days before her death, there was a transfer of shares transaction in the public-listed company to the first defendant's account, which was subsequently cancelled. SD1 was the lawyer who had prepared the will in question on the instruction of the deceased which was allegedly executed on 28 May 2013, three years before her death. When the plaintiff was present at SD1's office for the purpose of the opening and the reading of the will, the plaintiff was informed that a police report was lodged by the first defendant on the loss of the original copy of the will, which to date was still not found. Therefore, the opening of the will was based on the duplicate copy of the will allegedly kept in SD1's office. The plaintiff, who denied the existence of the original will and its validity, subsequently filed a claim in the High Court, claiming, *inter alia*: (i) a declaration that the will was not a valid will of the deceased; (ii) a declaration that the deceased died intestate; (iii) a declaration that the plaintiff and the first defendant were the legitimate beneficiaries of the estate of the deceased; (iv) leave for the plaintiff to apply for letter of administration and to be named the administrator of all movable and immovable properties of the deceased; and (v) the defendants to return the movable and immovable properties of the deceased to the estate of the deceased. The defendants filed their defence and counterclaim, among others, for: (i) a declaration that the will was a valid will of the deceased; and (ii) an order for the removal of the plaintiff's caveat on the estate of the deceased. The High Court Judge ('HCJ') allowed the plaintiff's claim in part and dismissed the defendants' counterclaim. Hence, these appeals by the plaintiff and the defendants.

Held (dismissing appeals; affirming order of High Court)
Per Has Zanah Mehat JCA delivering the judgment of the court:

(1) The duplicate copy of the will in relation to the signature placed on it, the format of which was in compliance with s. 5 of the Wills Act 1959 ('Wills Act'). Two witnesses had witnessed the execution by the deceased, *ie*, SD1 and Yeoh Chooi Hong. Under s. 68 of the Evidence Act 1950, it was sufficient to call at least one witness in order to establish that the will was regularly made in accordance with the Wills Act. The need to call the second witness only arises if the first witness called is unable to prove the execution of the will. Hence, the plaintiff's contention that the HCJ had erred in failing to find that the will was null and void for non-compliance with the Wills Act could not be sustained.

(2) The HCJ, having heard the evidence, and having seen SD1's demeanour while testifying and having assessed it, opined that SD1 was a credible witness. Therefore, there was no reason for the HCJ to invoke the presumption under s. 114(g) of the Evidence Act 1950 when the second witness, Yeoh Chooi Hong, was not called. In fact, apart from the reason that Yeoh Chooi Hong was not called, the plaintiff did not proffer any other evidence to challenge SD1's evidence. SD1 was also unshaken when cross-examined on the presence of the deceased at his office. Therefore, the HCJ was not plainly wrong in the finding on the admission of SD1's evidence and his credibility. The allegation of non-compliance with s. 5 of the Wills Act was not supported by strong evidence and was based on mere conjecture.

(3) The plaintiff failed to establish that the deceased did not have the testamentary capacity when the will was executed. The deceased was diagnosed with a health problem, the 'blood disorder', two years after the will was executed. Further, the health problem was irrelevant as it did not affect her mental capacity. There was no evidence, either medical or otherwise, to show that the 'blood disorder' suffered by the deceased resulted in the deceased losing her mental capacity to execute the will. Hence, the plaintiff failed to show that the HCJ's findings were against the weight of evidence or against any other way.

(4) When the HCJ admitted SD1's evidence as that of coming from a credible witness, that, in itself, dispelled any suspicion in the execution of the will and the defendants, as the propounders of the will, had successfully discharged the burden of proof, on the balance of probabilities, that the will was executed by the deceased. The facts relied on by the plaintiff was not relevant and was not related to the preparation and execution of the will. The facts in relation to the transfer of shares, that was relied on by the plaintiff, took place three years after

the preparation and execution of the will by the deceased. Therefore, that fact did not form part of any suspicious circumstances surrounding the making of the will to render the will invalid. In addition to that, there was no evidence to establish that it was the first defendant who had actively assisted the deceased in the preparation of the will, such as, suggesting the terms of the will or on choosing the lawyer to prepare the will.

(5) The issue pertaining to undue or unreasonable influence must relate to the execution or completion of the will. It was obvious that the plaintiff's allegations were not related to the execution and completion of the will at all, in suggesting that the first defendant had previously forced the deceased to write a cheque for the first defendant. Further, the HCJ had admitted SD1's evidence that the execution of the will by the deceased was made without any elements of force or undue influence. Therefore, there was no plain error by the HCJ to warrant interference with the findings of facts.

(6) When a perfectly executed will was last seen or traced to be in the testator's possession but, upon his death, could not be traced, the presumption is that the will has been revoked by the testator himself. The defendants pleaded that they had seen the original copy of the will kept in a drawer in the deceased's room, three months before her death and that the keys to the drawer were kept by Sally Wong, the plaintiff's daughter in-law. The defendants failed to rebut the presumption that the deceased had possibly revoked the will when they failed to produce the original will. The defendants' case was further weakened when Sally Wong was not called to explain the missing original will in the drawer and the envelope alleged to contain the will.

Kes-kes yang dirujuk:

Allan v. Morrison [1900] AC 604 ***(dirujuk)***

Craig Lamoureux [1920] AC 349 ***(dirujuk)***

Eastern & Oriental Hotel [1951] Sdn Bhd v. Ellarlous George Fernandez & Anor & Another Case [1988] 2 CLJ 734; [1988] 1 CLJ (Rep) 50 SC ***(dirujuk)***

Gan Yook Chin & Anor v. Lee Ing Chin & Ors [2004] 4 CLJ 309 FC ***(dirujuk)***

Karn Woon Lin & Anor v. Cheah Chor Bok [2013] 4 CLJ 329 CA ***(dirujuk)***

Khaw Cheng Bok & Ors v. Khaw Cheng Poon & Ors [1998] 1 LNS 340 HC ***(dirujuk)***

Khaw Cheng Poon & Ors v. Khaw Cheng Bok & Ors And Another Appeal [2005] 3 CLJ 753 CA ***(dirujuk)***

Lee Ing Chin & Ors v. Gan Yook Chin & Anor [2003] 2 CLJ 19 CA ***(dirujuk)***

Lim Kim Chet & Anor v. Multar Masngud [1984] 2 CLJ 77; [1984] 1 CLJ (Rep) 23 PC ***(dirujuk)***

Ng Hoo Kui & Anor v. Wendy Tan Lee Peng [2020] 10 CLJ 1 ***(dirujuk)***

Ong Cheng Guan & Anor v. Ong Eng Hock & Anor And Another Appeal [2016] 1 LNS 944 CA ***(dirujuk)***

A *Ong Eng Hock & Anor v. Ong Cheng Guan & Anor [2018] 7 CLJ 154 FC* ***(dirujuk)***
Tan Sri Khoo Teck Puat & Anor v. Plenitude Holdings Sdn Bhd [1993] 2 CLJ 146 SC ***(dirujuk)***
Tho Yow Pew & Anor v. Chua Kooi Hean [2002] 4 CLJ 90 CA ***(dirujuk)***
Wong Fong Yin & Anor v. Wong Choi Lin & Anor And Another Case [2012] 1 LNS 904 HC ***(dirujuk)***

B **Perundangan yang dirujuk:**
Evidence Act 1950, ss. 68, 114(g)
Wills Act 1959, s. 5

Sumber-sumber yang dirujuk:
C *Theobald on Wills,* 15th edn, ms 36

(Rayuan Sivil No: P-02(NCVC)(W)-221-02-2019)
Bagi pihak perayu - V Sithambaram & Ruebankumar; T/n Leong, Ng & Tan
Bagi pihak responden - Cyrus V Das, Karin Lim Ai Ching & Nicholas Lim Wei Jian; T/n Presgrave & Matthews

D *(Rayuan Sivil No: P-02(NCVC)(W)-233-02-2019)*
Bagi pihak perayu - Cyrus V Das, Karin Lim Ai Ching & Nicholas Lim Wei Jian; T/n Presgrave & Matthews
Bagi pihak responden - V Sithambaram & Ruebankumar; T/n Leong, Ng & Tan

[Nota Pengarang: Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Pulau Pinang; Guaman Sivil No: PA-22NCVC-33-02-2017 (disahkan).]

E *Dilaporkan oleh S Barathi*

PENGHAKIMAN

Has Zanah Mehat HMR:

F **Pengenalan**

[1] Di hadapan kami terdapat dua rayuan terhadap satu keputusan Hakim Mahkamah Tinggi (HMT) berkaitan dengan tuntutan plaintif dan tuntutan balas defendan-defendan mengenai kewujudan dan keesahan (validity) wasiat si mati Phuah Phaik Hong ("si mati") yang meninggal dunia pada 3 Oktober
G 2016 ("wasiat yang didakwa").

[2] Di Mahkamah Tinggi, plaintif telah memohon untuk:

(i) deklarasi bahawa wasiat yang didakwa bukan wasiat sah si mati;

(ii) deklarasi bahawa si mati meninggal dunia tanpa berwasiat;
H

(iii) deklarasi bahawa plaintif dan defendan pertama ialah benefisiari sah kepada harta pusaka si mati;

(iv) kebenaran untuk plaintif memohon surat kuasa mentadbir dan dinamakan sebagai pentadbir semua harta alih dan tidak alih si mati; dan

I (v) untuk defendan mengembalikan harta alih dan harta tak alih si mati kepada estet si mati.

[3] Manakala defendan-defendan telah memfailkan pembelaan dan tuntutan balas di antaranya untuk: A

(i) deklarasi bahawa wasiat yang didakwa adalah wasiat sah si mati; dan

(ii) perintah untuk membatalkan kaveat plaintif atas harta pusaka si mati.

[4] Pada 11 Januari 2019, HMT telah membenarkan tuntutan plaintif dalam perenggan 11 pernyataan tuntutan bagi permohonan-permohonan di perenggan (b), (e), (g), (h), (i) dan (j) dengan kos sebanyak RM50,000 dan telah menolak tuntutan balas defendan-defendan. B

[5] Defendan-defendan memfailkan rayuan P-02(NCVC)(W)-221-02-2019 (Rayuan 221) kerana tidak berpuas hati dengan keseluruhan keputusan HMT yang membenarkan sebahagian tuntutan plaintif dan menolak tuntutan balas defendan-defendan. Manakala plaintif memfailkan rayuan P-02(NCVC)(W)-233-02-2019 (Rayuan 233) kerana tidak berpuas hati dengan sebahagian keputusan HMT yang menolak tuntutannya dalam perenggan 11 bagi permohonan di perenggan (a), (c), (d), (f), (k), (l), (m), (n), (o), (p), (q), (r), (s), (t), (u) dan (v). C D

[6] Setelah mendengar hujahan-hujahan secara lisan dan bertulis serta penelitian alasan penghakiman HMT dan rekod rayuan, kami dengan sebulat suara telah menolak kedua-dua rayuan tersebut. E

[7] Dalam penghakiman ini pihak-pihak adalah dirujuk seperti pihak asal di Mahkamah Tinggi.

Latar Belakang Fakta

[8] Si mati seorang wanita bujang dan mempunyai dua saudara lelaki seibu dan sebapa iaitu plaintif dan defendan pertama. Plaintif adalah abang sulung dan defendan pertama adalah adik bongsu si mati. Defendan kedua dan ketiga adalah anak-anak kepada defendan pertama dan merupakan anak-anak saudara si mati. Di penghujung usianya, si mati telah dikesan mempunyai 'blood disorder' semasa membuat pemeriksaan tahunan pada tahun 2015. Pada tahun 2016, si mati telah dimasukkan ke hospital untuk rawatan 'blood disorder' tersebut dan telah meninggal dunia pada 3 Oktober 2016. F G

[9] Semasa hayatnya, si mati mempunyai kerjayanya sendiri dengan Bank OCBC dan berkhidmat sehingga bersara. Si mati memiliki harta alih dan juga tak alih. Harta tak alih ialah pemilik berdaftar setengah bahagian yang tidak dipecahkan (half undivided shares) yang dikenali sebagai No. 70 Jalan Cantonment,10250, Pulau Pinang ("No. 70 Jalan Cantonment") yang diperolehi dari pindah milik ibunya, pemilik berdaftar No. 46 Taman Berjaya 10350, Pulau Pinang ("No. 46") dan No. 167-16-8 Gurney Park, Persiaran Gurney, 10250 Pulau Pinang ("Gurney Park") selepas ini semua dirujuk sebagai "harta tak alih". Si mati adalah pemegang saham dalam syarikat Teong Huat Co Sdn Bhd dan juga seorang pelabur saham dengan H I

A mempunyai akaun dagangan saham dengan firma sekuriti OUB Kay Kian Securities Sdn Bhd ("OUB Kay Kian") untuk urus niaga saham di Kuala Lumpur Stock Exchange (KLSE) dan juga memiliki saham-saham tersenarai di Singapura, selepas ini dirujuk sebagai "harta alih".

B **[10]** Plaintif adalah juga pemilik berdaftar setengah bahagian yang tidak dipecahkan (half undivided shares) hartanah No. 70 Jalan Cantonment. Plaintif dan si mati semasa hayatnya telah tinggal bersama di hartanah No. 70, Jalan Cantonment, (selama 75 tahun) sehingga kematian si mati. Plaintif dan si mati mempunyai hubungan yang rapat.

C **[11]** Defendan pertama, kedua dan ketiga tidak tinggal bersama si mati dan plaintif tetapi selalu berjumpa apabila melawat si mati di hujung minggu di No. 70 Jalan Cantonment.

[12] Dua minggu sebelum si mati meninggal dunia pada 3 Oktober 2016, si mati berada di hospital untuk menerima rawatan 'blood disorder'. Namun, D pada 30 September 2016, tiga hari sebelum si mati meninggal dunia, terdapat pindah milik saham si mati dalam syarikat senaraian awam ke akaun defendan pertama. Walau bagaimanapun, kemudiannya telah dibatalkan.

[13] SD1 adalah peguam yang menyediakan wasiat yang didakwa atas arahan si mati yang dikatakan telah disempurnakan pada 28 Mei 2013, tiga E tahun sebelum kematiannya.

[14] Plaintif telah diminta hadir di pejabat SD1 untuk tujuan pembukaan dan pembacaan wasiat yang didakwa di hadapan plaintif dan juga di hadapan defendan pertama dan kedua.

F **[15]** Semasa di pejabat SD1, plaintif telah dimaklumkan satu laporan polis telah dibuat oleh defendan pertama tentang kehilangan salinan asli wasiat yang didakwa. Fakta yang tidak dipertikaikan ialah salinan asli wasiat yang didakwa tidak ditemui hingga ke hari ini. Oleh itu, pembukaan wasiat adalah hanya berdasarkan pendua (duplicate) wasiat yang didakwa yang terdapat dalam simpanan di pejabat SD1.

G **[16]** Plaintif menafikan kewujudan salinan asli dan kesahihan wasiat yang didakwa tersebut. Plaintif kemudiannya mengambil tindakan dengan memfailkan kaveat di Unit Kaveat, Bahagian Sivil di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, memfailkan kaveat terhadap setengah bahagian yang tidak H dipecahkan (half undivided shares) hartanah No. 70 Jalan Cantonment dan membuat laporan polis berkaitan keadaan yang didakwanya mencurigakan di sekitar penyempurnaan (execution) wasiat yang didakwa tersebut. Seterusnya, plaintif memfailkan tuntutan guaman dalam rayuan ini dan defendan-defendan memfailkan tuntutan balas.

I

Kes Plaintif

[17] Kes plaintif adalah:

(i) si mati tidak pernah menyempurnakan sebarang wasiat semasa hayatnya;

(ii) menafikan wujudnya salinan asli wasiat yang didakwa;

(iii) wasiat yang didakwa adalah diragukan keesahannya kerana wujudnya keadaan yang mencurigakan (suspicious circumstances) yang mengelilingi penyempurnaan atau pelaksanaan wasiat yang didakwa tersebut. Oleh itu, wasiat yang didakwa adalah palsu atau secara frod yang telah direka oleh defendan-defendan;

(iv) dan atau secara alternatifnya, wasiat yang didakwa tersebut telah dilaksanakan atau disempurnakan melalui tekanan, pengaruh tidak wajar, paksaan atau ugutan terhadap si mati.

[18] Plaintif mendakwa wujud keadaan mencurigakan mengelilingi pelaksanaan wasiat yang didakwa tersebut atas alasan:

(i) defendan pertama telah membuat laporan polis menyatakan wasiat asli hilang sebelum pembacaan wasiat;

(ii) defendan pertama telah dilantik sebagai wasi dan pemegang amanah harta pusaka si mati dan semua harta dan aset si mati telah diberikan kepada defendan pertama dan anak-anak defendan pertama iaitu defendan kedua dan ketiga, manakala plaintif yang telah tinggal bersama si mati selama 75 tahun di hartanah No. 70 Jalan Cantonment, yang menjaga dan menanggung segala kos rawatan si mati tidak diberikan apa-apa dari harta pusaka si mati;

(iii) tidak mungkin si mati membuat wasiat tanpa dimaklumkan kepada plaintif yang tinggal bersama dan rapat dengannya;

(iv) tidak mungkin si mati hadir ke pejabat peguam bersendirian dan memberi arahan kepada SD1 untuk menyediakan wasiat kecuali dengan bantuan atau tekanan pihak ketiga yang disyaki ialah defendan pertama yang didakwa oleh plaintif selalu menekan si mati untuk mengikut kehendaknya seperti berulang kali memaksa si mati untuk tujuan seperti menandatangani cek kosong untuk mengeluarkan wang daripada akaun si mati;

(v) tiga hari sebelum si mati meninggal dunia, terdapat pemindahan kesemua saham syarikat tersenarai awam Malaysia kepunyaan si mati kepada defendan pertama sedangkan dua minggu sebelum si mati meninggal dunia, si mati berada di hospital untuk menerima rawatan penyakit 'blood disorder' dan telah berada di bawah pengaruh ubat dan mempunyai minda dan tubuh yang lemah.

[19] Selanjutnya, oleh kerana wasiat asli tidak pernah dijumpai dan tiada bukti bahawa wasiat asli itu wujud selepas si mati meninggal dunia, wujud anggapan bahawa si mati telah memusnahkan wasiat yang didakwa tersebut dan dengan itu membatalkan wasiat yang didakwa tersebut.

Kes Defendan

[20] Si mati telah menyempurnakan wasiat yang sah yang disediakan oleh SD1 atas arahan si mati bertarikh 28 Mei 2013. Dalam wasiat tersebut, si mati telah menamakan defendan pertama sebagai wasi dan pemegang amanah harta pusaka si mati dan defendan-defendan kedua dan ketiga sebagai waris atau benefisiari harta pusaka si mati. Plaintif tidak dinamakan dalam wasiat yang didakwa tersebut. Salinan asli wasiat telah diserahkan oleh SD1 kepada si mati dan penduanya disimpan di pejabat SD1. Si mati telah menyimpan wasiat yang didakwa tersebut di dalam laci di bilik si mati di No. 70 Jalan Cantonment. Defendan-defendan telah dimaklumkan oleh si mati mengenai wasiat yang didakwa tersebut.

[21] Plaintif tidak dapat menerima hakikat apabila plaintif tidak dinamakan dalam wasiat yang didakwa tersebut. Defendan-defendan mengakui mengetahui mengenai salinan pendua wasiat yang didakwa daripada firma SD1 tetapi tidak menemui wasiat asli. Defendan pertama (SD3) menyatakan dalam keterangan bahawa si mati pernah memberi alamat pejabat SD1 dengan memberi business card SD1 kepadanya. Defendan-defendan mendakwa wasiat yang didakwa bertarikh 28 Mei 2013 ialah wasiat terakhir si mati. Dalam pembelaan, memplidkan bahawa defendan pertama dan kedua pernah melihat wasiat yang didakwa di dalam laci di bilik si mati. Diplidkan juga bahawa kunci laci tersebut di simpan oleh Sally Wong Siow Pei ("Sally Wong"). Defendan-defendan mengakui sehingga kini wasiat asli yang didakwa dilaksanakan oleh si mati tidak ditemui.

Keputusan Mahkamah Tinggi

[22] Selepas perbicaraan selama lima hari, mendengar keterangan daripada tiga saksi plaintif dan empat saksi defendan-defendan, HMT telah membuat dapatan bahawa terdapat kemungkinan besar wasiat asli yang tidak dapat dikesan, telah dimusnahkan oleh si mati. Maka dengan itu, niat sebenar wasiat asli yang disempurnakan oleh si mati tidak dapat ditentukan. Berdasarkan itu, HMT membenarkan tuntutan plaintif untuk sebahagian tuntutan dalam pernyataan tuntutan di perenggan 11 iaitu:

> (b) deklarasi bahawa wasiat yang didakwa tersebut adalah tidak sah dan tidak berkuat kuasa dan dibatalkan kerana salinan asli wasiat yang didakwa tersebut tidak pernah dilihat dan dijumpai selepas si mati meninggal dunia;
>
> (e) deklarasi bahawa plaintif dan defendan pertama adalah benefisiari-benefisiari yang benar dan sah kepada harta pusaka si mati tersebut berdasarkan Akta Probet dan Pentadbiran 1959;

(g) perintah bahawa plaintif diberikan kebenaran untuk memohon surat kuasa mentadbir dan dinamakan sebagai pentadbir (administrator) untuk kesemua harta alih dan tak alih si mati tersebut;

(h) injunksi menghalang dan/atau menahan defendan-defendan daripada mewakili dan/atau merepresentasikan diri sendiri sebagai wasi kepada wasiat yang dipertikaikan tersebut dan/atau menguruskan (deal) dalam apa jua cara bagi kesemua harta boleh alih dan tidak boleh alih si mati tersebut;

(i) perintah untuk kaveat-kaveat yang difailkan oleh plaintif bertarikh 2 Disember 2016 yang difailkan di Unit Kaveat, Bahagian Sivil, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur (Kaveat No.WA-Kaveat-3620-122-2016) dan kaveat persendirian (No. Pers: 0799B201612129) ke atas setengah (1/2) bahagian yang tidak dipecahkan iaitu Lot No.70, Jalan Cantonment, dikekalkan sehingga akhir perbicaraan ini;

(j) perintah untuk defendan-defendan mengembalikan kepada plaintif dalam masa tujuh hari dari tarikh penghakiman segala surat ikatan hakmilik yang berada dalam milikan defendan-defendan bagi kesemua harta tak alih si mati tersebut.

Lain-lain permohonan tidak dibenarkan.

[23] HMT juga telah menolak tuntutan balas defendan-defendan untuk deklarasi bahawa wasiat yang didakwa adalah wasiat yang sah dan terakhir dan membenarkan kos keseluruhan kepada plaintif sebanyak RM50,000 tertakluk kepada alokatur.

[24] Di Mahkamah Tinggi, HMT telah mengenal pasti lima isu untuk dibicarakan iaitu:

(i) sama ada wasiat tersebut disempurnakan (executed) oleh si mati;

(ii) sama ada si mati meninggalkan wasiat kepada defendan pertama yang tidak rapat dengan si mati;

(iii) sama ada si mati telah memusnahkan wasiat asli kerana ia tidak pernah dijumpai;

(iv) sama ada terdapat keadaan mencurigakan dalam penyempurnaan wasiat oleh si mati untuk membolehkan mahkamah mengetepikannya; dan

(v) sama ada si mati telah hadir ke pejabat peguam SD1 untuk tandatangan wasiat tanpa paksaan atau pengaruh tidak wajar.

[25] Dalam mempertimbangkan isu (i), (ii) dan (iii), HMT mengambil maklum bahawa pihak-pihak tidak mempertikaikan fakta bahawa wasiat asli tidak pernah dijumpai dan plaintif tidak pernah mengetahui bahawa wujudnya wasiat yang dipertkaikan tersebut.

[26] HMT mendapati keterangan defendan kedua (SD2) dan defendan pertama (SD3) bercanggah dengan pembelaan dan HMT membuat dapatan bahawa keterangan mereka tidak boleh dipercayai (not credible). Akibatnya, keterangan mereka telah ditolak oleh HMT.

[27] HMT juga mendapati keterangan defendan-defendan adalah tidak konsisten dengan pliding (pernyataan pembelaan defendan-defendan). Dalam perenggan 13.7 pembelaan, defendan-defendan memplidkan bahawa sebelum si mati meninggal dunia, si mati pernah memberitahu defendan pertama bahawa wasiat yang didakwa disimpan dalam laci di bilik si mati. Dalam keterangan, defendan pertama (SD3) dan defendan kedua (SD2) menyatakan pernah melihat wasiat dalam laci tersebut tiga bulan sebelum si mati meninggal dunia. Namun, semasa disoal balas oleh peguam plaintif, defendan pertama (SD3) menyatakan "Ya, I have seen the envelope" "The content itself, the Will itself, no". Manakala defendan kedua (SD2) menyatakan "Yes, only the white envelope, but not inside the content."

[28] Daripada keterangan yang dikemukakan, HMT mendapati defendan pertama dan defendan kedua mengetahui kewujudan wasiat asli seperti yang diplid dalam pembelaannya, namun selepas si mati meninggal dunia, defendan-defendan telah mencari wasiat asli yang disimpan dalam laci bilik si mati tetapi tidak menjumpainya. HMT berpendapat ini menimbulkan ketidakpastian akan niat sebenar si mati pada saat-saat akhir sebelum kematiannya mengenai wasiat yang didakwa tersebut.

[29] Dalam pembelaan juga, defendan-defendan memplidkan wasiat asli disimpan dalam laci yang kuncinya dikawal oleh Sally Wong. Walau bagaimanapun, defendan-defendan tidak memanggil Sally Wong untuk memberi keterangan. Dengan itu, HMT berpendapat anggapan di bawah s. 114(g) Akta Keterangan adalah terpakai di mana sekiranya Sally Wong dipanggil untuk memberi keterangan, keterangannya tidak akan berpihak kepada defendan-defendan.

[30] HMT berpendapat terdapat kemungkinan munasabah wasiat asli telah dimusnahkan oleh si mati kerana ia tidak ditemui untuk dikemukakan oleh defendan-defendan kepada mahkamah.

[31] Walaupun peguam yang menyediakan salinan pendua wasiat yang didakwa hadir memberi keterangan dan mengesahkan salinan pendua adalah salinan kepada wasiat asli tersebut, namun HMT berpendapat salinan asli wasiat perlu dikemukakan kepada mahkamah untuk membuktikan niat sebenar yang terakhir si mati sebagai pelaksana wasiat.

[32] Memandangkan defendan-defendan gagal membuktikan sebaliknya bahawa wasiat asli tidak dimusnahkan oleh si mati, maka defendan-defendan gagal membuktikan niat sebenar si mati sebelum dia meninggal dunia dan anggapan bahawa wasiat yang didakwa telah dimusnahkan. HMT telah menerima pakai prinsip common law yang bersandarkan prinsip undang-undang dalam kes *Allan v. Morrison* [1900] AC 604.

[33] Berkenaan keupayaan perwasiatan si mati, berdasarkan keterangan yang dikemukakan, HMT berpendapat tiada bukti bahawa pada 28 Mei 2013, si mati merupakan seorang yang tidak berkeupayaan perwasiatan untuk menyempurnakan wasiat yang didakwa tersebut.

[34] HMT menerima keterangan SD1 iaitu peguam yang menyediakan wasiat yang didakwa tersebut, bahawa si mati telah menandatangani wasiat tanpa sebarang paksaan dan pengaruh tidak wajar kerana berpendapat keterangan SD1 telah gagal disangkal oleh plaintif.

Alasan Rayuan Plaintif (Rayuan 233)

[35] Di antara alasan rayuan dalam memorandum rayuan, plaintif menyatakan HMT telah terkhilaf apabila gagal menimbangkan perkara-perkara berikut:

(i) terdapatnya keadaan yang mencurigakan (suspicious circumstances) di sekeliling pelaksanaan atau penyempurnaan wasiat yang didakwa tersebut;

(ii) terdapatnya pemalsuan atau penipuan (forgery and fraud) dalam penyempurnaan wasiat tersebut; dan

(iii) defendan pertama telah memberi tekanan (duress) dan pengaruh tidak wajar (undue influence) ke atas si mati untuk membuat wasiat yang didakwa tersebut.

[36] Namun dalam hujahan, peguam plaintif menekankan dua alasan utama yang berkisar kepada dapatan HMT bahawa wasiat yang didakwa telah sempurna dilaksanakan di hadapan peguam SD1 dan plaintif telah gagal menyangkal penyempurnaan wasiat yang didakwa tersebut tersebut.

[37] Berkaitan keputusan HMT yang tidak membenarkan tuntutannya di perenggan 11(a), (c), (d), (f), (k), (l), (m), (n), (o), (p), (q), (r), (s), (t), (u) dan (v), plaintif menyatakan HMT telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila gagal memutuskan:

(i) bahawa si mati tidak pernah melaksanakan wasiat yang dipertikaikan tersebut dengan niat dan pengetahuan penuh si mati, berdasarkan:

(a) defendan-defendan telah gagal memenuhi dan/atau membuktikan bahawa wasiat yang didakwa tersebut telah disempurnakan mengikut keperluan mandatori di bawah s. 5 Akta Wasiat 1959 ("Akta Wasiat"). Ini kerana defendan-defendan telah gagal memanggil saksi kedua kepada wasiat tersebut ("Yeoh Chooi Hong") yang didakwa sebagai kakitangan di pejabat SD1 yang dikatakan telah menyaksikan tandatangan si mati bersama-sama dengan SD1 sedangkan saksi tersebut boleh dikesan dan masih hidup. Keterangan Yeoh Chooi Hong boleh mendedahkan bahawa sama ada si mati hadir atau tidak di pejabat SD1 untuk menandatangani wasiat yang didakwa dan sama ada Yeoh Chooi Hong menjadi salah seorang daripada dua saksi kepada wasiat yang didakwa tersebut;

(b) SD1 tidak dapat menunjukkan sebarang fail, bil atau dokumen-dokumen hak milik atau surat-menyurat antara SD1 dengan si mati bagi menyokong keterangan bahawa si mati telah melantik SD1 sebagai peguam cara yang menyediakan wasiat. Semasa pemeriksaan balas, SD1 cuba mengelak dan memberi jawapan yang tidak konsisten. Apabila diminta untuk mengemukakan fail pelanggannya, si mati, SD1 pada asalnya menyatakan bahawa dokumen-dokumen tersebut telah dimusnahkan tetapi kemudiannya telah menukar jawapannya dan menyatakan bahawa dokumen-dokumen tersebut telah dipulangkan kepada si mati dan beliau tidak menyimpan sebarang rekod dokumen si mati dan hanya menyimpan salinan pendua wasiat yang didakwa tersebut dan tiada dokumen lain. SD1 juga gagal menunjukkan apa-apa bil yang dikeluarkan kepada si mati bagi kerja yang dilaksanakan. Ini menunjukkan bahawa si mati tidak pernah memberi arahan kepada SD1 untuk menyediakan wasiat yang didakwa tersebut;

(c) si mati tidak pernah berkenalan dengan SD1 secara peribadi;

(d) ia adalah amat tidak berkemungkinan dan mustahil bahawa si mati yang berumur 72 tahun (pada masa beliau membuat wasiat yang didakwa tersebut) boleh hadir ke pejabat SD1 untuk menyediakan dokumen yang begitu penting (wasiat akhir beliau) yang memberikan kesemua harta pusaka si mati yang berjumlah jutaan ringgit apabila si mati tidak mengenali SD1 dan tidak pernah berurusan dengannya untuk sebarang tugas sebelumnya;

(e) tidak boleh dipastikan bahawa SD1 yang menyediakan wasiat yang didakwa tersebut, pernah bercakap dengan dan/atau menerima arahan daripada si mati secara terus untuk menyediakan wasiat yang didakwa tersebut. lni kerana SD1 menyatakan bahawa si mati telah memberitahunya bahawa beliau mempunyai dua orang adik-beradik, satu tinggal bersama-sama dengannya dan seorang lagi tinggal berasingan, sedangkan hakikatnya adalah bahawa defendan pertama (SD3) tinggal di rumah yang sama bersama-sama dengan si mati dan plaintif dari 2002 hingga 2016. Ini didedahkan sendiri oleh defendan pertama (SD3) semasa pemeriksaan balas.

(ii) bahawa defendan-defendan telah gagal memenuhi beban pembuktian dalam mengajukan wasiat yang didakwa tersebut memandangkan defendan-defendan telah gagal menghapuskan sebarang dan semua keadaan mencurigakan mengelilingi pelaksanaan dan penyempurnaan wasiat yang didakwa tersebut bila mana:

(a) kehilangan salinan asli wasiat yang didakwa tersebut yang didakwa pernah dilihat oleh defendan-defendan semasa si mati masih hidup;

(b) tingkah laku dan niat sebenar si mati dengan mengambil kira plaintif yang mempunyai hubungan yang rapat dengan si mati bila mana plaintif telah tinggal di sebuah rumah bersama-sama dengan si mati sepanjang 75 tahun dan hartanah tersebut juga didaftar di bawah nama plaintif bersama-sama dengan si mati dan dokumen hak milik hartanah tersebut disimpan oleh plaintif selama ini;

(c) kebanyakan jika tidak kesemua perbelanjaan harian/hidup si mati bersama dengan semua perbelanjaan perubatan dan juga perbelanjaan pengebumian si mati telah dibiayai oleh plaintif. Defendan pertama dan juga defendan-defendan lain tidak pernah membayar dan/atau memberi sumbangan kepada perbelanjaan perubatan, pengebumian atau sara hidup si mati;

(d) namun, semua harta alih dan tak alih si mati dalam wasiat yang didakwa telah diwariskan kepada defendan kedua dan defendan ketiga di samping melantik defendan pertama sebagai pentadbir harta pusaka kepada si mati, sedangkan plaintif bersama-sama dengan isteri dan anak-anaknya tidak disebut langsung dalam wasiat yang didakwa tersebut;

(e) sepanjang masa semasa hayatnya, si mati tidak pun mencerminkan apa-apa seperti yang ditulis dalam wasiat yang didakwa tersebut. Si mati berkongsi sebuah rumah dengan plaintif sepanjang hidupnya (70 tahun lebih), membantu membesarkan anak-anak plaintif, berkongsi satu akaun bank bersama, plaintif juga menanggung perbelanjaan perubatan si mati, dan selepas si mati meninggal dunia, plaintiflah yang menempatkan kendi/abu mayat si mati di sebelah ibu mereka yang telah meninggal dunia;

(f) defendan kedua dan defendan ketiga juga tidak mempunyai sebarang hubungan yang rapat dengan si mati semasa si mati masih hidup. Sebagai contoh, defendan kedua dan defendan ketiga jarang mengunjungi dan berkomunikasi dengan si mati dan defendan kedua dan defendan ketiga juga tidak pernah tinggal dalam sebuah rumah bersama dengan si mati;

(g) ini dengan jelasnya merupakan satu keadaan yang amat mencurigakan yang akan membangkitkan kecurigaan mahkamah yang sepatutnya dijawab/dihapuskan oleh defendan-defendan sebelum mereka boleh bergantung kepada wasiat untuk probet dan defendan-defendan telah gagal menghapuskan kecurigaan tersebut;

(h) laporan polis dibuat sebelum membaca salinan pendua wasiat;

(i) terdapat keadaan yang mencurigakan mengelilingi pembuatan wasiat yang didakwa tersebut dan wasiat yang didakwa tersebut adalah palsu dan/atau dibuat juga dengan frod, memandangkan defendan

pertama telah membuat laporan polis untuk melaporkan tentang kehilangan wasiat asli tersebut sebelum membaca salinan pendua wasiat yang didakwa tersebut dan sebelum plaintif diminta dan/atau diberi peluang untuk mencari wasiat asli tersebut di No. 70 Jalan Cantonment;

(j) tambahan pula, SD1 juga membantu defendan-defendan dalam permohonan mereka untuk mendapatkan geran probet ("grant of probate") walaupun telah mendapat tahu bahawa wasiat yang didakwa tersebut telah dicabar, dan masih gagal memanggil saksi kedua kepada wasiat yang didakwa tersebut untuk hadir ke mahkamah;

(k) pindah milik saham yang mencurigakan tiga hari sebelum si mati meninggal dunia kepada akaun peribadi defendan pertama;

(l) pada masa yang material tersebut, si mati adalah di bawah pengaruh ubat dan mempunyai keupayaan mental yang lemah dan adalah lemah secara fizikal (yang berterusan sehingga kematian si mati), pindah milik semua saham si mati kepada defendan pertama adalah tidak dapat disangkal lagi, dilakukan oleh defendan pertama sendiri untuk keuntungan peribadi dan membawa manfaat kepada defendan pertama; dan

(m) saksi sepina SP2 (Cheng Kim Chuan) telah hadir ke mahkamah dan memberi keterangan bahawa selepas penyiasatan, ia adalah jelas bahawa pindah milik saham tersebut adalah tidak teratur memandangkan si mati tidak hadir untuk menandatangani borang pindah milik tersebut pada 30 September 2016 dan tiada sesiapa pun yang menyaksikan tandatangan beliau, selepas itu, defendan pertama telah pun memulangkan semua saham-saham yang diperolehi dari si mati dengan salah;

(iii) bahawa wasiat yang didakwa bukan wasiat si mati yang benar dan sah dengan merujuk kepada fakta bahawa defendan-defendan telah gagal membuktikan bahawa tandatangan si mati telah disaksikan dengan sewajarnya oleh dua orang saksi seperti yang dinyatakan dalam wasiat yang didakwa tersebut;

(iv) bahawa plaintif adalah berhak kepada satu perintah bahawa kesemua perbelanjaan perubatan dan perbelanjaan pengebumian si mati berjumlah RM227,435.96 dibayar kepada plaintif daripada harta pusaka si mati kerana kebanyakkan jika tidak kesemua perbelanjaan harian/hidup si mati bersama dengan kesemua perbelanjaan perubatan dan juga perbelanjaan pengebumian si mati dibayar oleh plaintif. Defendan pertama dan juga defendan-defendan lain tidak pernah membayar dan/atau menyumbang kepada perbelanjaan perubatan, pengebumian ataupun perbelanjaan hidup si mati;

(v) bahawa plaintif berhak kepada satu deklarasi bahawa plaintif mempunyai kepentingan seumur hidup untuk menetap di hartanah No. 70, Jalan Cantonment memandangkan plaintif mempunyai hubungan yang rapat dengan si mati. Plaintif dan si mati tinggal bersama-sama dalam sebuah rumah sepanjang 75 tahun. Hartanah tersebut juga didaftar di bawah nama plaintif bersama dengan si mati dan dokumen hak milik hartanah tersebut adalah disimpan oleh plaintif selama ini. la adalah niat si mati selama ini untuk memberikan kepentingan seumur hidup kepada plaintif supaya plaintif dapat tinggal di hartanah No. 70 tersebut seumur hidup plaintif;

(vi) bahawa plaintif berhak kepada satu perintah agar defendan-defendan memulangkan dan/atau menyerahkan satu akaun kepada plaintif semua dokumen hak milik, harta boleh alih dan tak boleh alih, saham-saham si mati yang telah dipindah milik keluar dan/atau dilesapkan oleh defendan-defendan;

(vii) apabila dalam semua keadaan kes ini dengan menolak tuntutan-tuntutan/relif-relif perayu berkenaan dengan tuntutan (a), (c), (d), (f), (k), (l), (m), (n), (o), (p), (q), (r), (s), (t), (u), dan (v).

Alasan Rayuan Defendan (Rayuan 221)

[38] Defendan-defendan dalam Rayuan 221 telah mengemukakan 13 alasan rayuan dalam memorandum rayuan. Di antaranya bahawa HMT telah terkhilaf dari segi undang-undang dan/atau fakta apabila:

(i) gagal mempertimbangkan dan mengambil kira bahawa defendan-defendan telah membuktikan bahawa si mati telah menandatangani wasiat bertarikh 28 Mei 2013;

(ii) gagal mempertimbangkan dan mengambil kira bahawa defendan-defendan telah menghapuskan (dispel) apa-apa keadaan yang mencurigakan di sekeliling pelaksanaan wasiat yang didakwa seperti yang dinyatakan oleh plaintif;

(iii) HMT menganggap wasiat yang didakwa telah dimusnahkan oleh si mati semata-mata kerana salinan asli wasiat tidak dikemukakan oleh defendan-defendan dalam mahkamah;

(iv) menolak dan mengabaikan keterangan SD2 dan SD3 atas alasan bahawa keterangan yang diberikan oleh SD2 dan SD3 adalah bercanggah dengan pembelaan defendan-defendan dan oleh itu menjadikan mereka saksi yang tidak boleh dipercayai;

(v) memutuskan bahawa salinan asli wasiat yang didakwa harus dikemukakan untuk membuktikan niat si mati dalam melaksanakan wasiat yang didakwa tersebut tanpa mengambil kira salinan pendua wasiat yang didakwa adalah pendua kepada wasiat asli;

(vi) semata-mata bergantung kepada kes *Allan v. Morrison* [1900] AC 604 dalam memberikan keputusannya bahawa si mati mungkin telah memusnahkan salinan asli wasiat yang dipertikaikan tanpa memberikan pertimbangan yang wajar dan betul kepada fakta yang tidak dipertikaikan bahawa wasiat tersebut telah ditandatangani oleh si mati dalam kehadiran SD1 yang telah mengemukakan salinan pendua wasiat yang dipertikaikan dan juga telah memberi keterangan bahawa si mati telah menandatangani wasiat tersebut tanpa apa-apa paksaan, tekanan atau pengaruh yang tidak wajar;

(vii) gagal mengesahkan dan menerima kandungan/salinan pendua wasiat yang didakwa sebagai wasiat terakhir si mati walaupun telah membuat penemuan fakta bahawa si mati mempunyai keupayaan menyempurnakan wasiat ("testamentary capacity"), untuk menandatangani wasiat yang didakwa dan bahawa wasiat yang didakwa ditandatangani tanpa sebarang paksaan atau pengaruh tidak wajar;

(viii) gagal mengakui dan menerima kandungan/salinan pendua wasiat yang didakwa sebagai wasiat terakhir si mati walaupun beliau telah menerima keterangan SD1 (peguam cara untuk si mati) bahawa si mati telah menandatangani wasiat yang didakwa tersebut tanpa apa-apa paksaan, pengaruh keganasan atau pengaruh yang tidak wajar;

(ix) telah secara salah membangkitkan anggapan bertentangan, di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 terhadap defendan-defendan atas kegagalan memanggil Sally Wong sebagai saksi;

(x) gagal mengambil kira bahawa si mati pada bila-bila masa sebelum meninggal dunia, tidak pernah memaklumkan kepada SD1, peguam yang menyediakan wasiat yang didakwa, bahawa beliau mempunyai niat untuk membatalkan wasiat yang didakwa tersebut; dan

(xi) gagal mengambil kira bahawa defendan-defendan dan si mati adalah dalam hubungan yang baik;

Hujahan Plaintif

[39] Dalam hujahannya, peguam plaintif berkisar kepada dua alasan utama HMT apabila peguam berhujah bahawa HMT adalah khilaf apabila membuat dapatan bahawa si mati mempunyai keupayaan berwasiatan (testamentary capacity) semasa menyempurnakan wasiat yang didakwa dan selanjutnya HMT berpendapat plaintif telah gagal untuk menyangkal keupayaan si mati melaksanakan wasiat. Ini mengambil kira berdasarkan keterangan, defendan-defendan telah gagal membuktikan wasiat yang didakwa telah disempurnakan dengan mematuhi Akta Wasiat dan atas arahan si mati sendiri berdasarkan hasrat dan niat sebenar si mati. Selanjutnya hujah plaintif, defendan-defendan juga gagal menghapuskan keraguan dan keadaan yang mencurigakan disekitar pelaksanaan atau penyempurnaan (execution)

wasiat yang didakwa tersebut. Oleh itu, hujah plaintif, HMT telah membuat dapatan yang salah tanpa menilai keterangan dan wajar mahkamah ini di peringkat rayuan campur tangan.

Hujahan Defendan-defendan

[40] Peguam defendan-defendan berhujah bahawa HMT telah terkhilaf apabila mendapati bahawa si mati mempunyai keupayaan perwasiatan untuk menyempurnakan wasiat (has testamentary capacity to excecute the will) tetapi tidak menerima salinan pendua wasiat yang didakwa tersebut yang disimpan di pejabat peguam untuk menjadi bukti sebagai wasiat terakhir si mati atas alasan berkemungkinan si mati telah memusnahkan wasiat asli. Plaintif tidak mempertikaikan kewujudan salinan pendua wasiat yang didakwa tersebut yang disimpan di pejabat peguam. Peguam juga berhujah bahawa tiada keterangan yang menyokong bahawa si mati hendak membatalkan wasiatnya pada bila-bila masa sebelum si mati meninggal dunia. Anggapan bahawa wasiat telah dibatalkan telah dapat disangkal oleh defendan-defendan dengan keterangan berikut:

(i) tiada keterangan yang menyokong bahawa si mati hendak membatalkan wasiatnya pada bila-bila masa sebelum si mati meninggal dunia;

(ii) sehingga kematiannya, tiada kelakuan atau tindakan si mati yang boleh ditafsirkan menjurus kepada si mati hendak membatalkan wasiatnya;

(iii) hubungan si mati dan defendan-defendan adalah baik sehingga kematiannya;

(iv) wasiat telah dibuat oleh si mati pada tahun 28 Mei 2013 iaitu tiga tahun sebelum kematiannya pada 3 Oktober 2016 dan dalam tempoh tiga tahun tersebut tiada terdapat keterangan yang menjuruskan kepada niat si mati untuk membatalkan wasiat yang didakwa tersebut;

(v) si mati juga tidak pernah mengarahkan peguam yang menyediakan wasiat yang didakwa untuk meminda atau memusnahkannya;

(vi) si mati memberitahu defendan-defendan tiga bulan sebelum kematiannya mengesahkan kehendaknya seperti yang dinyatakan dalam wasiat; dan

(vii) plaintif gagal mengemukakan bukti dalam tempoh tiga bulan sebelum kematian si mati berkemungkinan si mati telah berubah fikiran.

[41] Peguam defendan-defendan juga berhujah bahawa di Mahkamah Tinggi, isu mengenai keadaan yang mencurigakan, (suspicious circumstances), penipuan, pemalsuan, pengaruh tidak berpatutan dan tekanan/paksaan dalam pelaksanaan atau penyempurnaan wasiat oleh si mati tidak dijadikan sebagai

isu untuk dibicarakan. Oleh itu, isu keadaan yang mencurigakan semasa wasiat yang didakwa disempurnakan bukanlah isu yang perlu dipertimbangkan oleh HMT. Isu yang menjadi asas keputusan Mahkamah Tinggi ialah sama ada wasiat yang didakwa tersebut adalah wasiat terakhir dan niat sebenar si mati apabila salinan asli tidak dapat dikemukakan oleh defendan-defendan sebagai pengaju wasiat (the propounder of the will).

[42] HMT telah salah arah dan khilaf dalam membuat anggapan bahawa wasiat yang didakwa telah dibatalkan apabila salinan asli tidak ditemui tanpa mengambil kira bahawa anggapan ini boleh dicabar dan defendan-defendan sebagai pihak pengaju wasiat (propounder of the will) tersebut dan defendan-defendan telah berjaya mencabar anggapan tersebut.

[43] Defendan sebagai pengaju wasiat, telah berjaya membuktikan bahawa si mati telah menyempurnakan wasiat berdasarkan peruntukan s. 5 Akta Wasiat. Defendan-defendan juga telah berjaya melenyapkan dakwaan bahawa si mati melaksanakan wasiat yang didakwa dikelilingi oleh keadaan yang mencurigakan. Peguam defendan-defendan selanjutnya berhujah bahawa plaintif telah gagal mencabar dakwaan plaintif mengenai keupayaan berwasiatan si mati untuk membuat/menyempurnakan wasiat yang didakwa.

Keputusan Kami

[44] Kami telah menimbangkan rayuan ini berdasarkan isu-isu yang dibangkitkan dalam hujahan berasaskan alasan dalam memorandum rayuan.

Sama Ada Wasiat Yang Didakwa Telah Dibuat Tanpa Mematuhi Peruntukan Akta Wasiat?

[45] Di bawah diperturunkan salinan pendua wasiat yang didakwa yang dikemukakan sebagai eks. D24 di Mahkamah Tinggi:

A

DUPLICATE

WILL

B

I, PHUAH PHAIK HONG (NRIC NO: 260808-07-5208 / 2917163) presently of No. 70 Jalan Cantonment, 10250 Georgetown, Pulau Pinang do hereby revoke all former Wills and testamentary dispositions heretofore made by me and declare this to be my Last Will and Testament.

C

1(a). I appoint my brother HARIS PHUAH @ PHUAH CHOON KWONG (NRIC NO: 440214-07-5403 / 2517189) be my sole Executor and Trustee of this my Last Will.

D

1(b). In the event of the demise of HARIS PHUAH @ PHUAH CHOON KWONG before me, I appoint AFFENDI BIN HARIS PHUAH (NRIC NO: 841022-07-5959) to be my sole Executor and Trustee of this my Last Will.

E

2. I devise and bequeath all my half (1/2) share of property known as No. 70 Jalan Cantonment, 10250 Pulau Pinang unto my lawful nephew and niece as Beneficiaries in equal shares absolutely as follows:

F

Name of Beneficiaries/NRIC No.
AFFENDI BIN HARIS PHUAH [NRIC NO: 841022-07-5959]
AMANDA BINTI HARIS PHUAH [NRIC NO: 860814-35-5020]

G

3. I devise and bequeath all my share of property known as No. 46 Taman Berjaya, 10350 Pulau Pinang unto my lawful nephew AFFENDI BIN HARIS PHUAH [NRIC NO: 841022-07-5959] absolutely.

H

I

A

4. I devise and bequeath all my share of property known as No. 167-16-8 Gurney Park, Persiaran Gurney, 10250 Pulau Pinang unto my lawful niece AMANDA BINTI HARIS PHUAH [NRIC NO: 860814-35-5020] absolutely.

B

5. I devise and bequeath all my shares in Teong Huat Co. Sdn Bhd (Company No: 2465-W) unto my lawful brother HARIS PHUAH @ PHUAH CHOON KWONG (NRIC NO: 440214-07-5423 / 2917186) absolutely.

C

6. I devise and bequeath all my Public Listed Companies' shares in Singapore unto my lawful niece AMANDA BINTI HARIS PHUAH [NRIC NO: 860814-35-5020] absolutely.

D

7. I devise and bequeath all my Public Listed Companies' shares in Malaysia unto my lawful nephew APPENDI BIN HARIS PHUAH [NRIC NO: 841022-07-5959] absolutely.

E

8. I devise and bequeath all my monies residuary estate real and personal and wherever situate unto my lawful nephew and niece as Beneficiaries in equal shares absolutely as follows:-

F

Name of Beneficiaries/NRIC No.

APPENDI BIN HARIS PHUAH
[NRIC NO: 841022-07-5959]

G

AMANDA BINTI HARIS PHUAH
[NRIC NO: 860814-35-5020]

H

I

9. I direct my Executor and Trustee to deduct from my personal estate to settle my just debts funeral and testamentary expenses.

10. I have every confidence and trust in my Executor and Trustee and do not require any surety to my Estate.

IN WITNESS WHEREOF I have hereunto set my hand at Georgetown, Penang this 28th day of May 2013.

Signed by the abovenamed PHUAH PHAIK HONG as her Last Will in the presence of us present at the same time who in her presence and in the presence of each other have hereunto subscribed our names as Witnesses:

Phuah Phaik Hong
PHUAH PHAIK HONG

CHIEW JU LI
Advocate & Solicitor
Penang
(BC/C/235)

Witness :
Name : YEOH CHOOI HONG
NRIC No : 670722-07-5382

[46] Salah satu alasan rayuan plaintif dan hujahan peguam plaintif ialah defendan gagal membuktikan bahawa wasiat yang didakwa dilaksanakan oleh si mati mematuhi s. 5 Akta Wasiat. Fakta ini tidak diplidkan dengan khusus dalam pliding tetapi telah dihujahkan oleh peguam plaintif dan HMT telah menimbangkan isu ini dan telah menolaknya. Oleh itu, untuk melengkapkan penghakiman ini kami juga akan menimbangkan isu ini kerana telah diberi pertimbangan oleh HMT dan telah dikemukakan sebagai salah satu alasan rayuan.

[47] Seksyen 5 Akta Wasiat memperuntukkan seperti berikut:

5 Mode of execution

(1) No will shall be valid unless it is *in writing* and executed in manner hereinafter mentioned.

(2) Every will *shall be signed at the foot or end thereof by the testator* or by some other person in his presence and by his direction; such signature shall be made or acknowledged by the testator as the signature to his will *in the presence of two or more witnesses present at the same time, and such witnesses shall subscribe the will in the presence of the testator,* but no form of attestation shall be necessary:

> Provided that every will shall, as far only as regards the position of the signature of the testator, or of the person signing for him as aforesaid, *be deemed to be valid* under this section *if the signature shall be so placed at* or *after, or following, or under, or beside, or opposite to the end of the will,* that it *shall be apparent on the face of the will* that the testator *intended to give effect by such his signature to the writing signed as his will;* and no such will shall be affected by the circumstance:
>
> (a) that the signature shall not follow or be immediately after the foot or end of the will;
>
> (b) that a blank space shall intervene between the concluding word of the will and the signature;
>
> (c) that the signature shall be placed among the words of the testimonium clause or of the clause of attestation, or shall follow or be after or under the clause of attestation, either with or without a blank space intervening, or shall follow or be after, or under, or beside the names or one of the names of the subscribing witnesses;
>
> (d) that the signature shall be on a side or page or other portion of the paper or papers containing the will whereon no clause or paragraph or disposing part of the will shall be written above the signature; or
>
> (e) that there shall appear to be sufficient space on or at the bottom of the preceding side or page or other portion of the same paper on which the will is written to contain the signature,
>
> and the enumeration of the above circumstances shall not restrict the generality of this proviso; but no signature shall be operative to give effect to any disposition or direction which is underneath or which follows it, nor shall it give effect to any disposition or direction inserted after the signature shall be made.
>
> (penekanan ditambah)

[48] Berdasarkan pemerhatian kami terhadap D24 iaitu salinan pendua wasiat yang didakwa seperti yang dipetik di perenggan [45] penghakiman ini, berkaitan tandatangan yang diletakkan, kami dapati dari segi formatnya telah mematuhi s. 5 Akta Wasiat. Dua saksi telah menyaksikan tandatangan si mati iaitu SD1 dan Yeoh Chooi Hong.

[49] SD1 sebagai salah seorang penyaksi tandatangan si mati telah memberi keterangan bahawa dia dan Yeoh Chooi Hong telah menyaksikan si mati menurunkan tandatangan di hadapan mereka. Namun, plaintif berhujah bahawa saksi kedua kepada wasiat yang didakwa iaitu Yeoh Chooi Hong hendaklah dibawa ke mahkamah oleh pengaju wasiat untuk memberi keterangan mengesahkan tandatangannya di atas wasiat yang didakwa. Tidak mencukupi hanya SD1 sahaja memberi keterangan. Anggapan di bawah s. 114 (g) boleh digunakan jika tidak dipanggil. Sekiranya Yeoh Chooi Hong dipanggil keterangannya tidak memihak kepada defendan-defendan. Plaintif bersandarkan kepada kes *Ong Cheng Guan & Anor v. Ong Eng Hock & Anor And Another Appeal* [2016] 1 LNS 944; [2016] MLJU 1703. Apabila saksi kedua tidak dipanggil plaintif berhujah bahawa HMT telah khilaf apabila tidak membuat dapatan bahawa wasiat yang didakwa adalah tidak sah dan terbatal kerana ketidakpatuhan kepada Akta Wasiat. Keterangan Yeoh Chooi Hong boleh mendedahkan bahawa sama ada si mati hadir atau tidak di pejabat SD1 untuk menandatangani wasiat yang didakwa. Plaintif dalam pemeriksaan balas telah mencadangkan kepada SD1 bahawa berdasarkan salinan pendua wasiat yang didakwa terdapat jenis pen yang berbeza digunakan. Ini menunjukkan yang Yeoh Chooi Hong tidak berada bersama SD1 dan si mati semasa tandatangan sebagai saksi diturunkan. Sekiranya mereka berada ditempat yang sama dakwa plaintif, sudah tentu pen yang sama akan digunakan. Cadangan bahawa Yeoh Chooi Hong tidak ada bersama menjadi saksi tandatangan si mati telah dinafikan oleh SD1. Kami dapati fakta yang dicadangkan oleh plaintif (penggunaan pen yang tidak sama) tidak diplidkan dalam pernyataan tuntutan. Apa yang hendak dibuktikan oleh plaintif ialah bahawa kedua-dua saksi dan si mati tidak menandatangani pada masa yang sama oleh itu, tidak mematuhi keperluan dua atau lebih saksi hadir pada waktu yang sama menandatangani wasiat sebagai saksi di hadapan si mati, pelaksana wasiat (two or more witnesses present at the same time, and such witnesses shall subscribe the will in the presence of the testator).

[50] Plaintif juga membangkitkan isu mengenai terdapatnya keadaan yang mencurigakan (suspicious circumstances) di sekitar penyempurnaan wasiat oleh si mati oleh itu pematuhan kepada s. 5 tidak dibuktikan. Isu ini akan dibincangkan kemudian.

[51] Berbalik kepada hujahan peguam plaintif bahawa kedua-dua saksi yang menyaksikan tandatangan si mati hendaklah dipanggil, kami merujuk kepada s. 68 Akta Keterangan yang memperuntukkan seperti yang berikut:

> 68 Proof of execution of document required by law to be attested If a document is required by law to be attested, **it shall not be used as evidence until one attesting witness at least has been called** for the purpose of proving its execution, if there is an attesting witness alive and subject to the process of the court and capable of giving evidence.
>
> (penekanan ditambah)

[52] Berdasarkan peruntukan s. 68 Akta Keterangan, kami bersetuju dengan hujahan peguam defendan-defendan bahawa adalah mencukupi dengan memanggil sekurang-kurangnya hanya seorang saksi untuk membuktikan bahawa wasiat yang didakwa dibuat dengan teratur berdasarkan Akta Wasiat sekiranya berdasarkan keterangan saksi tersebut berjaya membuktikan berdasarkan beban pembuktian yang dikehendaki undang-undang.

[53] Kami mendapati fakta dalam kes *Ong Cheng Guan* (*supra*) yang disandari oleh plaintif adalah berbeza. Dalam kes *Ong Cheng Guan* (*supra*), pengaju wasiat tidak membawa kedua-dua saksi kepada tandatangan pembuat wasiat oleh itu, pelaksanaan wasiat oleh si mati tidak dibuktikan kerana gagal melepaskan beban pembuktian yang dikehendaki undang-undang. Maka dalam kes tersebut, Mahkamah Rayuan berpendapat bahawa pengaju wasiat tidak berjaya membuktikan pematuhan kepada s. 5. Kami tidak bersetuju bahawa kedua-dua saksi kepada tandatangan pembuat wasiat hendaklah dipanggil dalam semua kes pertikaian wasiat. Di sini adalah perlu ditegaskan bahawa di dalam kes *Ong Cheng Guan* (*supra*) tersebut, perintah probet telah pun diberi dan tindakan mahkamah telah dimulakan untuk mengetepikan probet itu (probate revocation) dan keputusan Mahkamah Rayuan tersebut telah pun seterusnya diakaskan oleh Mahkamah Persekutuan (Sila lihat *Ong Eng Hock & Anor v. Ong Cheng Guan & Anor* [2018] 7 CLJ 154; [2018] 5 MLJ 701). Mahkamah Persekutuan berpendapat bahawa isu yang perlu diputuskan ialah sama ada pihak yang mencabar probet, telah pun membuktikan kausa yang mencukupi (sufficient cause) untuk mengetepikan probet. Maka isu mengenai perlunya keterangan oleh kedua-dua saksi wasiat (evidence of attesting witnesses) tidak timbul.

[54] Kami berpendapat bahawa adalah relevan untuk rujukkan dibuat kepada buku *Theobald on Wills* di ms. 123, di mana pengarang berpendapat keperluan memanggil kedua-dua saksi wasiat oleh pengaju wasiat hanya berbangkit apabila saksi pertama penyaksian yang dipanggil tidak membuktikan penyempurnaan wasiat. Dipetik pendapat tersebut seperti berikut:

> The party propounding a will in a probate action **must call one of the attesting witnesses to give evidence** as to its due execution unless they are all unavailable (*Belbin v. Skeats* [1858]; *Bowman v. Hodgson* [1867]). **If the first attesting witness to be called does not prove its due execution that party must also call the other attesting witnesses (if available)** to give evidence as to its due execution (*Owen v. Williams* [1863]; *Coles v. Coles* [1866]). (penekanan ditambah)

[55] Berdasarkan kes-kes yang dipetik oleh pengarang, keperluan untuk memanggil saksi kedua hanya berbangkit sekiranya saksi pertama yang dipanggil tidak dapat membuktikan pelaksanaan wasiat iaitu tandatangan si mati disempurnakan di atas wasiat berdasarkan beban pembuktian yang

diperlukan di sisi undang-undang. Oleh itu, hujahan plaintif tidak dapat dipertahankan kerana tidak disokong oleh undang-undang dan nas-nas sedia ada.

[56] Dalam rayuan di hadapan kami ini, SD1 yang menyaksikan tandatangan si mati diturunkan di atas wasiat yang didakwa adalah seorang peguam. SD1 telah memberi keterangan secara menyeluruh mengenai proses dari permulaan penyediaan wasiat atas arahan si mati iaitu dari si mati datang ke pejabat beliau pada kali pertama dan kemudian kali kedua untuk mengemukakan dokumen-dokumen berkaitan keperluan penyediaan wasiat dan seterusnya menyempurnakan wasiat dengan menandatanganinya di hadapan SD1 dan Yeoh Chooi Hong di pejabat SD1. SD1 juga memberi keterangan bahawa si mati adalah seorang yang sihat semasa datang menemui beliau di ms. 105 (pdf) kandungan 4 seperti berikut:

TLG And pertaining to the gain you are going to receive, right, the question is that **did the testator look as if she is going to die the next day?**

SD1 No.

TLG Was she healthy?

SD1 She is very healthy, very alert.

TLG Any sign of illness?

SD1 No, no, no. (penekanan ditambah)

[57] Peguam plaintif dalam pemeriksaan balasnya untuk menunjukkan ketidaktelusan SD1 dalam penyediaan wasiat mencadangkan bahawa SD1 dalam penyediaan wasiat yang didakwa semata-mata untuk mendapat fi guaman yang tinggi apabila di peringkat kedua untuk memohon geran probet berdasarkan harta yang disenaraikan dalam wasiat. Cadangan ini dinafikan oleh SD1. Kami dapati berdasarkan keterangan, SD1 bukanlah peguam yang dilantik untuk mengendalikan probet seperti yang didakwa oleh plaintif. Beliau hanya diminta untuk mengikrarkan afidavit sebagai peguam yang menyediakan wasiat seperti yang diarahkan oleh si mati. Keterangan SD1 di ms. 108 (pdf) kandungan 4 menjelaskan seperti berikut:

TLG Subsequently who handled the application for probate? Did you handle the application for probate?

SD1 No. Mr Haris has engaged Leong, Ng & Tan.

TLG That is my firm, right?

SD1 Yes.

TLG To handle the probate?

SD1 Yes.

A TLG You were shown an affidavit. To be honest, sent by me to you, right. Why did you sign the affidavit? What was the purpose of the affidavit? Can you tell the Court affidavit made by me? Can you look at page 60, Bundle D? Bundle D, page 60.

SD1 This is to show that I am the solicitor witnessing the Will (penekanan ditambah)

B

[58] Berkaitan dengan pematuhan s. 5 Akta Wasiat, kami juga mendapati selain dari alasan Yeoh Chooi Hong tidak dipanggil, plaintif tidak membawa apa-apa keterangan untuk mencabar keterangan SD1. SD1 tidak goyah apabila disoal balas mengenai kedatangan si mati ke pejabatnya.

C

[59] Plaintif juga membangkitkan isu mengenai cara SD1 menyimpan rekod yang berkenaan urusan penyediaan wasiat yang didakwa. Plaintif berhujah bahawa dengan tiadanya fail dibuka khusus untuk pelanggan iaitu si mati, dokumen-dokumen yang menjadi subjek harta dalam wasiat yang didakwa tidak terdapat rekod di pejabat SD1, tiada rekod untuk resit
D pembayaran fi guaman dan juga ketiadaan draf-draf wasiat yang disediakan sebelum dokumen muktamad ditandatangan oleh si mati menyokong dakwaan plaintif bahawa tiada penyempurnaan wasiat di pejabat SD1 seperti yang didakwa oleh defendan-defendan. Cadangan peguam plaintif dalam pemeriksaan balas telah dinafikan dengan tegas oleh SD1. Sebaliknya SD1
E menjelaskan beliau tidak menyimpan segala dokumen rujukan untuk penyediaan wasiat dan draf-draf wasiat kerana ini bukan satu keperluan dan tidak menjadi amalan di pejabatnya. Semua dokumen yang dirujuk dipulangkan kepada si mati. SD1 menegaskan yang penting adalah wasiat yang telah disempurnakan diserahkan kepada si mati dalam sampul
F bermeterai dan satu sampul yang juga bermeterai yg mengandungi pendua wasiat akan disimpan di pejabatnya. Dipetik keterangan SD1 di ms. 102 (pdf) kandungan 4 seperti berikut:

TLG: … Okay. After having put the Will, the duplicate, obviously you have collected some documents, right?

G SD1 Yes.

TLG From her. What you do with the documents?

SD1 We returned her the documents after sealing the Will.

TLG After sealing the Will?

H SD1 Sealing the Will, yes .

T**LG And how do you actually keep your duplicates? What is your office system in keeping duplicates?**

SD1 We kept it in the safe with an inventory list of testators coming at subsequent dates.

I

TLG So you actually kept only the physical will?

SD1 Only the physical will

TLG so this your system?

SD1 yes (penekanan ditambah)

[60] Berkaitan dengan proses penyediaan wasiat pula selepas menerima arahan daripada si mati, SD1 di ms. 104 (pdf) di kandungan 4 memberi keterangan berikut:

TLG How did your draft your will? Could you please tell the Court? Your draft it in computer or you draft it free hand and have it typed by your staff? Do you know how to use a computer?

SD1 Yes

TLG Do you draft a will by using a computer?

SD1 I normally do it by the manual first. Then from the manual, I have a secretary who has been with me for more than 15 years, she will do the actual input into the computer.

TLG The archaic way, right?

SD1 Yes. So the after that, she will print it out and get it ready.

TLG Okay. And you told the testator ... No, sorry. And that draft, you told the Court that you have thrown away? So you obviously don't keep anything?

SD1 We don't keep the documents and the drafts. But when my secretary does the input, she will have the details with her to do input.

TLG And did you also, with your system of only keeping the wills in the safe, could you explain to the Court how would you retrieve the will and if somebody contacts you and says he wants the will to be read?

SD1 They will give me the testator's name. Then when we key in to our system, we can retrieve the will.

[61] Berdasarkan kedudukan undang-undang seperti yang dinyatakan di atas dan analisa keterangan seperti yang dipetik, kami berpendapat tiada sebab bagi mahkamah bicara menggunakan anggapan di bawah s. 114(g) Akta Keterangan apabila saksi kedua tidak dipanggil. HMT yang telah mendengar keterangan dan melihat gelagat (demeanor) SD1 semasa memberi keterangan, telah menilainya dan berpendapat SD1 adalah saksi yang boleh dipercayai (credible). Kami berpendapat tiada kesalahan yang jelas (plainly wrong) oleh HMT dari segi dapatan mengenai kebolehterimaan keterangan SD1 dan kredibiliti SD1. Oleh itu, kami berpendapat dakwaan plaintif terhadap ketidakpatuhan s. 5 Akta Wasiat adalah tidak disokong dengan keterangan yang kukuh dan hanya berdasarkan syak wasangka semata-mata.

A *Sama Ada Si Mati Mempunyai Keupayaan Untuk Menyempurnakan Wasiat?*

[62] Plaintif berhujah bahawa HMT telah melakukan kesilapan apabila memutuskan bahawa si mati mempunyai keupayaan berwasiatan (testamentary capcity) dan wasiat yang didakwa tersebut telah disempurnakan di hadapan SD1 pada 28 Mei 2013.

B

[63] Undang-undang adalah mantap bahawa untuk sesuatu wasiat itu sah, pewasiat mesti mempunyai keupayaan berwasiatan (testamentary capacity) (lihat *Gan Yook Chin & Anor v. Lee Ing Chin & Ors* [2004] 4 CLJ 309; [2005] 2 MLJ 1). Dalam kes *Karn Woon Lin & Anor v. Cheah Chor Bok* [2013] 4 CLJ 329; [2013] 3 MLJ 457, Azahar Mohamed HMR (Yang Arif pada ketika itu) telah merujuk kepada kepada keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Lee Ing Chin & Ors v. Gan Yook Chin & Anor* [2003] 2 CLJ 19 dan telah meringkaskan pandangan Mahkamah Rayuan dalam kes tersebut yang pada pendapat Yang Arif, Mahkamah Rayuan telah secara komprehensif menjelaskan maksud keupayaan berwasiatan (testamentary capacity) yang telah dirumuskan seperti berikut:

C

D

> [13] … In the case of *Lee Ing Chin & Ors v. Gan Yook Chin & Anor* [2003] 2 CLJ 19, the Court of Appeal has comprehensively explained what is meant by testamentary capacity, which can be summarised as follows: What the law primarily looked for as vitiating testamentary capacity was mental disorder or insane delusion. *Mere bodily ill-health or imperfect memory was insufficient*. Testamentary capacity was not to be equated with contractual capacity. A person may lack the mental capacity to enter into a contract and yet may have sufficient testamentary capacity. *The relevant and material point of time to consider the mental capacity of the deceased was the time at which the will was made and not at some other earlier or later point of time.*
> (Penekanan ditambah)

E

F

[64] Berdasarkan keterangan yang direkodkan dan difailkan dalam rekod rayuan, plaintif telah gagal membuktikan bahawa si mati tidak mempunyai keupayaan mental untuk berwasiat seperti keadaan-keadaan yang dinyatakan dalam *Gan Yook Chin* (*supra*) semasa wasiat dilaksanakan. Dalam kes di sini, jika ada pun si mati mempunyai masalah kesihatan, hanyalah pada tahun 2015 apabila pemeriksaan kesihatan tahunan mendapati plaintif mempunyai masalah 'blood disorder'. Ini berlaku dua tahun selepas wasiat disempurnakan. Namun, masalah kesihatan tersebut tidaklah relevan kerana tidak melibatkan keadaan mental si mati dan berlaku dua tahun selepas wasiat yang didakwa disempurnakan. Kami dapati dari nota keterangan dalam rekod rayuan tiada apa-apa jua keterangan, dari segi keterangan perubatan atau sebaliknya, yang menunjukkan bahawa disebabkan 'blood disorder', si mati tidak mempunyai keupayaan mental untuk menyempurnakan wasiatnya. Kami bersetuju dengan HMT bahawa si mati mempunyai keupayaan mental untuk berwasiat. Ini disokong oleh keterangan SD1 yang di petik di perenggan [56] di atas. Oleh itu, plaintif

G

H

I

tidak berjaya menunjukkan bahawa dapatan HMT adalah bertentangan dengan keberatan keterangan atau bertentangan dalam apa jua cara pun. HMT telah mempertimbangkan dengan teliti keseluruhan keterangan berkenaan keupayaan perwasiatan si mati pada masa wasiat dibuat. Oleh itu, penghakiman HMT tidak mempunyai sebarang kesalahan jelas yang mewajarkan campur tangan di peringkat rayuan.

Sama Ada Terdapatnya Keadaan Yang Mencurigakan (Suspicious Circumstances) Di Sekeliling Penyempurnaan Wasiat Oleh Si Mati Dan Defendan Gagal Untuk Menghapuskannya (Dispel) Atau Mencabarnya?

[65] Prinsip undang-undang menetapkan berkaitan dengan keadaan mencurigakan atau kesangsian di sekeliling pelaksanaan atau dalam penyempurnaan wasiat, kecurigaan atau kesangsian itu jika ada, ia semestinya merujuk kepada keadaan di sekeliling penyempurnaan sesuatu wasiat tersebut dan bukan keupayaan berwasiatan oleh pembuat wasiat. (lihat *Tho Yow Pew & Anor v. Chua Kooi Hean* [2002] 4 CLJ 90). Plaintif berhujah bahawa defendan telah gagal menghilangkan kecurigaan atau kesangsian di sekeliling penyempurnaan wasiat yang didakwa oleh si mati. Dalam pliding dan pernyataan saksi SP3, (ms. 87 dan 88 ikatan bersama di ms. 744 dan 745 rekod rayuan) plaintif menyatakan keadaan yang mencurigakan ini dapat dibuktikan melalui perkara-perkara berikut:

(i) defendan pertama telah membuat laporan polis menyatakan wasiat asli hilang sebelum pembacaan wasiat;

(ii) defendan pertama telah dilantik sebagai wasi dan pemegang amanah harta pusaka si mati dan semua harta dan aset si mati telah diberikan kepada defendan pertama dan anak-anak defendan pertama iaitu defendan kedua dan ketiga, manakala plaintif yang telah tinggal bersama si mati selama 75 tahun di hartanah No. 70 Jalan Cantonment, yang menjaga dan menanggung segala kos rawatan si mati tidak diberikan apa-apa aset;

(iii) tidak mungkin si mati melaksanakan wasiat tanpa memaklumkan kepada plaintif yang tinggal bersamanya dan rapat dengan si mati;

(iv) tidak mungkin si mati, ke pejabat SD1 bersendirian dan memberi arahan kepada SD1 untuk menyediakan wasiat kecuali dengan bantuan atau tekanan pihak ketiga yang disyaki ialah defendan pertama yang didakwa oleh plaintif selalu menekan si mati untuk mengikut kehendaknya seperti berulang kali memaksa si mati untuk tujuan seperti menandatangani cek kosong untuk mengeluarkan wang daripada akaun si mati;

(v) SD1 tidak dapat mengemukakan fail yang mengandungi dokumen berkaitan wasiat yang didakwa seperti fi guaman, dokumen-dokumen berkaitan harta tak alih seperti salinan hak milik dan lain-lain dokumen

berkaitan untuk penyediaan wasiat. SD1 hanya menyimpan sampul yang mengandungi salinan pendua wasiat yang didakwa. Si mati tidak mengenali SD1 dan tidak pernah menggunakan khidmat SD1 sebelum ini; dan

(vi) defendan-defendan tidak mengambil tindakan yang munasabah untuk mencari wasiat yang didakwa walaupun mendakwa melihat sampul yang mengandungi wasiat yang didakwa dalam laci di bilik si mati yang kuncinya dipegang oleh Sally Wong. Sally Wong tidak dipanggil oleh defendan-defendan sebagai saksi.

[66] Plaintif selanjutnya berhujah bahawa kegagalan SD1 untuk menunjukkan dokumen-dokumen berkaitan arahan si mati untuk menyediakan wasiat, ditambah pula dengan wasiat asli tidak dapat dikesan, menyokong dakwaan plaintif bahawa defendan-defendan telah gagal membuktikan penyediaan wasiat yang didakwa adalah dari arahan si mati sendiri secara terus kepada SD1. Tambahan pula, SD1 juga peguam yang membantu defendan-defendan untuk memohon geran probet (eks. D15-permohonan dan afidavit) walaupun setelah mengetahui wasiat yang didakwa telah dicabar apabila mendapat notis dari peguam plaintif. Plaintif berhujah bahawa SD1 tidak bercakap benar dan bukan saksi yang tidak berpihak. Plaintif dalam hujahan juga mendakwa SD1 berpakat dengan defendan pertama kerana SD1 mengetahui laporan polis mengenai kehilangan wasiat yang didakwa dan tujuan laporan dikatakan dibuat untuk rujukan peguam untuk memohon geran probet. Namun, dakwaan ini tidak berasas berdasarkan keterangan SD1 yang dipetik di perenggan [57] di atas.

[67] Berkenaan dengan kegagalan SD1 mengemukakan fail pelanggannya SD1 menjelaskan bahawa beliau tidak menyimpan dokumen-dokumen yang dikemukakan oleh si mati untuk penyediaan wasiat dan dokumen tersebut telah dikembalikan kepada si mati. Keterangan mengenai perkara ini telah kami sentuh dan bincangkan di perenggan [59] penghakiman ini.

[68] Dakwaan bahawa terdapat keadaan yang mencurigakan di sekeliling penyempurnaan wasiat yang didakwa, yang dinyatakan di atas, adalah fikiran plaintif semata-mata. Apabila HMT telah menerima keterangan SD1 sebagai saksi yang boleh dipercayai, dengan sendirinya telah melenyapkan kecurigaan tersebut dan defendan-defendan sebagai pengaju wasiat telah berjaya melepaskan beban pembuktian atas imbangan kebarangkalian bahawa wasiat yang didakwa telah disempurnakan oleh si mati.

[69] Plaintif juga membangkitkan isu pemindahan saham si mati kepada defendan pertama pada 30 September 2016, semasa si mati berada di hospital selama dua minggu sebelum meninggal dunia. Tiga hari sebelum si mati meninggal dunia, defendan pertama telah memindah milik saham si mati ke akaun defendan pertama. Ini menunjukkan defendan pertama tidak jujur terhadap si mati dan juga pewaris si mati yang lain. Saksi sepina SP2 (Cheng

Kim Chuan) dari firma sekuriti UOB Kay Kian telah hadir ke mahkamah dan memberi keterangan bahawa selepas penyiasatan, apabila menerima maklumat dari peguam plaintif mengenai keadaan si mati pada tarikh pemindahan saham, mendapati bahawa pindah milik saham si mati dalam akaun si mati dengan UOB Kay Kian adalah tidak teratur kerana si mati tidak hadir untuk menandatangani borang pindah milik tersebut pada 30 September 2016 dan tiada sesiapa pun yang menyaksikan si mati menurunkan tandatangan dalam borang pindah milik tersebut. SP2 mengesahkan bahawa defendan pertama adalah remisier di firma UOB Kay Kian dan pindah milik tersebut telah dilakukan dengan secara tidak sah oleh defendan pertama.

[70] Mahkamah Rayuan melalui Gopal Sri Ram HMR (Yang Arif ketika itu) dalam kes *Tho Yow Pew & Anor v. Chua Kooi Hean* [2002] 4 CLJ 90; [2002] 4 MLJ 97 di ms. 103 membuat pemerhatian bahawa keadaan yang mencurigakan adalah keadaan yang relevan dengan pembuatan wasiat itu sendiri dan bukan keadaan yang sebaliknya. Memetik dari buku teks *Theobald on Wills* (15th edn) di ms. 36 di bawah tajuk "suspicious circumstances" yang seperti berikut:

> If a will was prepared and executed under circumstances which raise a well-grounded suspicion that the will (or some provision in it, such as the residuary gift) did not express the mind of the testator, the will (or that provision) is not admissible to probate unless that suspicion is removed by affirmative proof of the testator's knowledge and approval. *A classic instance of suspicious circumstances is where the will was prepared by a person who takes a substantial benefit under it.* Another instance is where a person *was active in procuring the execution of the will* under which he takes a substantial benefit *by*, for instance, *suggesting the terms of the will to the testator* and *instructing a solicitor chosen by that person.*
>
> However circumstances can only raise a suspicion of want of knowledge and approval if they are circumstances attending, or at least relevant to, the preparation and execution of the will itself.
>
> It is clear from the foregoing passages, in particular from the passages in Theobald on Wills that suspicious circumstances in the context of wills *relate to circumstances surrounding the making of the will, not circumstances surrounding the testamentary capacity* of the testator. In other words if *the propounder of a will wishes to succeed in obtaining probate, he must upon challenge being taken establish (a) testamentary capacity and (b) dispel any suspicious circumstances surrounding the making of the will.* (penekanan ditambah)

[71] Pendapat sama oleh Mahkamah Rayuan dalam *Karn Woon Lin* (*supra*) di perenggan [23] laporan seperti berikut:

A

> [23] We are also of the considered view that the evidence of "suspicious circumstances" relied on by the plaintiffs, particularly that the deceased had a feeble mind and lacked understanding because of her disease, all relate to matters and events that took place either before or after the making of the will. The so called "suspicious circumstances" therefore do not relate to the making of the second will.

B

[72] Kami berpendapat adalah jelas fakta-fakta yang disandari oleh plaintif adalah fakta yang tidak relevan dan tidak berkaitan dengan persediaan dan penyempurnaan wasiat yang didakwa. Fakta pindah milik saham yang disandari oleh plaintif berlaku tiga tahun selepas persediaan dan penyempurnaan wasiat oleh si mati. Oleh itu, fakta tersebut bukanlah termasuk keadaan yang mencurigakan di sekitar persediaan dan penyempurnaan wasiat yang didakwa yang menjadikan wasiat yang didakwa tersebut sebagai tidak sah. Kami juga dapati berdasarkan keterangan yang terdapat dalam rekod rayuan, tidak terdapat keterangan yang membuktikan bahawa defendan pertama yang membantu si mati menyediakan wasiat yang didakwa secara aktif seperti mencadangkan terma-terma wasiat atau memilih peguam untuk penyediaan wasiat.

C

D

Tekanan Dan Pengaruh Tidak Wajar Oleh Defendan Pertama

[73] Plaintif juga mendakwa bahawa defendan pertama telah menggunakan tekanan dan pengaruh tidak wajar ke atas si mati untuk menyempurnakan wasiat yang memihak kepada defendan pertama dan anak-anaknya dengan mengabaikan plaintif dan anak-anak plaintif yang rapat dan tinggal bersama si mati sehingga akhir hayat si mati. Beban pembuktian mengenai tekanan dan pengaruh tidak wajar ke atas pembuat wasiat adalah terletak ke atas bahu yang mendakwa. Ini dinyatakan oleh Jeffery Tan H dalam kes *Khaw Cheng Bok & Ors v. Khaw Cheng Poon & Ors* [1998] 1 LNS 340; [1998] 3 MLJ 457 di ms. 579 (A-G) yang memetik Viscount Haldane in *Craig Lamoureux* [1920] AC 349 seperti berikut:

E

F

> Viscount Haldane in *Craig Lamoureux* [1920] AC 349 at page 357 explained it as follows:
>
> > Undue influence, in order to render a will void, must be an influence which can justly described by a person looking at the matter judicially to have the execution of a paper pretending to express a testator's mind, but which does not express his mind, but something else which he did not really mean.
> >
> > …
> >
> > **Strictly, to upset a will, the undue influence must be shown to have been excercised in the relation to the will it self. …**
> >
> > **Those alleging undue influence must prove it.** It is not sufficient to show the circumstances attending the excecution are consistent with its having been procured by undue influence. It must be shown that they are inconsistent with any other hypothesis.
> >
> > (penekanan ditambah)

G

H

I

Keputusan Mahkamah Tinggi tersebut kemudiannya telah disahkan oleh Mahkamah Rayuan melalui penghakiman Gopal Sri Ram HMR (Yang Arif ketika itu) dalam kes *Khaw Cheng Poon & Ors v. Khaw Cheng Bok & Ors And Another Appeal* [2005] 3 CLJ 753; [2005] 6 MLJ 540.

[74] Prinsip undang-undang yang dinyatakan di atas adalah jelas bahawa isu berkaitan pengaruh tidak wajar atau tidak berpatutan hendaklah berkait dengan pelaksanaan atau penyempurnaan wasiat. Dalam rayuan ini, adalah jelas dakwaan plaintif adalah tidak berkaitan langsung dengan pelaksanaan dan penyempurnaan wasiat apabila mendakwa peristiwa seperti defendan pertama pernah memaksa si mati untuk menulis cek bagi pihak defendan pertama. Tambahan pula, dalam kes ini HMT sebagai hakim bicara telah menerima keterangan SD1 bahawa penyempurnaan wasiat yang didakwa oleh si mati dibuat dengan tanpa apa-apa paksaan atau pengaruh tidak wajar. Di petik perenggan 52 penghakiman seperti berikut:

> 52. daripada keterangan SD1 iaitu peguam yang menyediakan wasiat tersebut bahawa si mati telah tandatangani wasiat tersebut tanpa ada apa-apa paksaan, pengaruh keganasan atau pengaruh yang tidak wajar. Mahkamah menerima keterangan daripada SD1 ini kerana gagal disangkal oleh pihak plaintif.

[75] Secara keseluruhannya, kami bersetuju dengan hujahan peguam defendan-defendan bahawa plaintif telah gagal atas imbangan kebarangkalian untuk membuktikan bahawa si mati tidak mempunyai keupayaan berwasiatan untuk menyempurnakan wasiat, terdapat kesangsian di sekeliling penyempurnaan wasiat (suspicious circumstances surrounding the making of the will) dan wasiat disempurnakan atas tekanan dan pengaruh tidak wajar oleh defendan pertama. Hakim bicara telah membuat dapatan fakta mengenai perkara tersebut berdasarkan penilaian keterangan di hadapannya. Kami bersetuju dengan penilaian dan dapatan tersebut dan mendapati tiada kesalahan jelas (plainly wrong) oleh HMT yang mewajarkan kami campur tangan dalam dapatan fakta tersebut.

[76] Perlu diingat setakat mana mahkamah yang mendengar rayuan boleh mengganggu keputusan yang dibuat oleh mahkamah di bawah berdasarkan dapatan fakta apabila tiada dapatan yang pelik dan bercanggah dengan keseluruhan keterangan di hadapannya seperti yang ditegaskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes-kes terdahulu seperti kes-kes *Tan Sri Khoo Teck Puat & Anor v. Plenitude Holdings Sdn Bhd* [1993] 2 CLJ 146; [1993] 1 MLJ 113; *Eastern & Oriental Hotel [1951] Sdn Bhd v. Ellarlous George Fernandez & Anor & Another Case* [1988] 2 CLJ 734; [1988] 1 CLJ (Rep) 50; [1989] 1 MLJ 35 dan *Lim Kim Chet & Anor v. Multar Masngud* [1984] 2 CLJ 77; [1984] 1 CLJ (Rep) 23; [1984] 2 MLJ 165 yang menjadi sandaran bahawa prinsip kardinal (cardinal principle) bahawa mahkamah di peringkat rayuan sewajarnya perlu berhemah dalam mencampuri penemuan fakta oleh

mahkamah bicara yang mempunyai peluang memerhati perlakuan atau gelagat (demeanour) saksi-saksi. Dalam kes terkini iaitu *Ng Hoo Kui & Anor v. Wendy Tan Lee Peng* [2020] 10 CLJ 1 Mahkamah Persekutuan menyatakan seperti berikut:

> As long as the trial judge's conclusion can be supported on a rational basis in view of the material evidence, the fact that the appellate court feels like it might have decided differently is irrelevant. In other words, a finding of fact that would not be repugnant to common sense ought not to be disturbed. The trial judge should be accorded a margin of appreciation when his treatment of the evidence is examined by the appellate courts.

Sama Ada Anggapan Bahawa Wasiat Telah Dimusnahkan/Dibatalkan (Presumption Of Revocation) Telah Dapat Disangkal Oleh Defendan-defendan

[77] Dalam kes ini, wasiat asli tidak pernah ditemui atau dikemukakan oleh defendan-defendan sebagai pengaju wasiat (propounder of the will). Keadaan ini membangkitkan anggapan bahawa si mati telah memusnahkan wasiat terakhirnya.

[78] HMT berpendapat anggapan bahawa wasiat telah dimusnahkan ini telah tidak disangkal oleh defendan-defendan sebagai pengaju wasiat (propounder of the will). Peguam defendan-defendan berhujah bahawa sandaran HMT kepada kes *Allan v. Morrison* [1900] AC 604 yang diputuskan lebih 100 tahun dahulu adalah tidak sesuai lagi memandangkan terdapat kes-kes terkini yang menunjukkan terdapat pembaharuan dalam keputusan mengenai isu berkenaan apakah wasiat terakhir yang dihasratkan oleh si mati apabila wasiat asli tidak ditemui tetapi hanya mempunyai salinan pendua wasiat sahaja. Selanjutnya, peguam defendan-defendan berhujah bahawa mereka telah berjaya mencabar anggapan bahawa wasiat telah dibatalkan atau telah dimusnahkan oleh pewasiat atau si mati (*animo revocandi*) kerana tiada apa-apa keterangan yang menunjukkan si mati berniat untuk membatalkan wasiat terakhirnya, wasiat asli hanya telah disalah letak (misplaced) dan secara tidak sengaja dimusnahkan (destroyed) (lihat *Wong Fong Yin & Anor v. Wong Choi Lin & Anor And Another Case* [2012] 1 LNS 904; [2013] 4 MLJ 82 di ms. 106 di mana geran probet telah dibenarkan dikeluarkan kepada pemohon berdasarkan hanya salinan wasiat tertakluk kepada anggapan bahawa wasiat telah dibatalkan berjaya disangkal dengan menunjukkan bahawa wasiat asli telah disalah letak atau tidak sengaja dimusnahkan).

[79] Defendan-defendan berhujah bahawa anggapan wasiat telah dibatalkan telah disangkal berdasarkan keadaan berikut:

(i) tiada keterangan bahawa si mati telah tidak memberi tahu sesiapa atau mengarahkan kepada sesiapa untuk memusnahkannya;

(ii) sehingga kematiannnya, tidak ada apa-apa perbuatan yang menunjukkan bahawa si mati hendak membatalkan wasiat;

(iii) hubungan si mati dan defendan-defendan adalah baik sehingga kematiannya;

(iv) wasiat yang didakwa telah disediakan tiga tahun sebelum kematian pembuat wasiat dan tiada keterangan dalam tempoh tiga tahun tersebut si mati berhasrat untuk membatalkan wasiat yang didakwa;

(v) SD1 tidak diarahkan oleh si mati untuk membatalkannya; dan

(vi) plaintif gagal untuk menunjukkan apa-apa keterangan bahawa si mati telah berubah fikirannya sebelum kematiannya.

[80] Plaintif berhujah bahawa beban adalah terletak ke atas defendan-defendan sebagai pengaju wasiat untuk menjelaskan ketiadaan wasiat yang didakwa asli dan apabila gagal menjelaskannya defendan-defendan telah gagal menyangkal anggapan bahawa wasiat asli telah dimusnahkan.

[81] Berkaitan isu ini, HMT berpendapat bahawa defendan-defendan telah gagal membuktikan bahawa wasiat yang didakwa tidak dibatalkan oleh si mati apabila gagal menyangkal aggapan bahawa wasiat yang didakwa telah dimusnahkan apabila salinan asli wasiat yang didakwa tidak dapat dikemukakan oleh defendan-defendan sebagai pengaju wasiat. Ini dinyatakan dalam penghakiman HMT di perenggan 30 hingga 42 penghakimannya. Kami memetik alasan HMT seperti di bawah:

> 30. Defendan Pertama dan Kedua akui di dalam Pembelaan dan Tuntutan Balas bahawa si mati telah memberitahu mereka berdua, tiga bulan sebelum beliau meninggal dunia bahawa wasiat yang asli tersebut disimpan di dalam laci di bilik si mati dan Defendan Pertama dan Kedua pernah melihat wasiat asli tersebut.
>
> ...
>
> 32. Walau bagaimanapun, semasa SD2 memberi keterangan fakta material yang Defendan Pertama dan Kedua pernah melihat Wasiat tersebut dalam laci, tiga bulan sebelum si mati tersebut meninggal dunia, SD2 telah memberi keterangan yang bercanggah.
>
> ...
>
> 35. Di dalam Pembelaan Defendan-Defendan pada Perenggan 13 Defendan-Defendan memplidkan bahawa sebelum si mati meninggal dunia, si mati pernah memberitahu Defendan Pertama bahawa Wasiat tersebut disimpan di dalam laci di biliknya. Defendan Pertama dan Kedua pernah melihat Wasiat tersebut di dalam laci tersebut, tiga bulan sebelum si mati meninggal dunia.
>
> 36. Saya dapati keterangan SD2 dan SD3 adalah bercanggah dengan Pembelaan mereka dan Pembelaan ini tidak pernah dipinda oleh Defendan-Defendan. Dengan itu, saya dapati keterangan SD2 dan SD3 adalah tidak kredible (*sic*) atas isu ini dan ditolak oleh Mahkamah.

A ...

38. Di dalam keadaan kes ini, saya berpendapat salinan asli Wasiat tersebut perlu dikemukakan ke Mahkamah. Dari keterangan yang dikemukakan, saya dapati Defendan Pertama dan Kedua ketahui mengenai dengan kewujudan Wasiat tersebut yang asli seperti yang
B diplidkan di dalam Pembelaan beliau ...

41. Di dalam Pembelaan Defendan-Defendan, Defendan-Defendan memplidkan yang Wasiat tersebut yang asli disimpan di dalam laci yang kuncinya dikawal oleh Sally Wong Siow Pei. Walau bagaimanapun, Sally Wong Siow Pei ini tidak dipanggil oleh Defendan-Defendan untuk memberi keterangan. Maka dengan itu anggapan di bawah peruntukan
C Seksyen 114(g) Akta Keterangan adalah terpakai, di mana sekiranya Sally Wong Siow Pei dipanggil untuk memberi keterangan, keterangan beliau tidak akan berpihak kepada Defendan-Defendan.

42. Wasiat tersebut yang asli tidak dapat dikemukakan ke Mahkamah ini dan Wasiat asli tersebut tidak dapat ditemui. Jadi, besar kemungkinan
D simati telah memusnahkan Wasiat asli tersebut. Jadi, anggapan yang boleh dibuat adalah Wasiat yang asli itu dimusnahkan oleh simati.

...

44. Berpandukan kepada kes *Allan v. Marrison* (supra) ini, Mahkamah ini mempunyai keraguan atas kegagalan Defendan-Defendan untuk
E kemukakan Wasiat tersebut yang asli. Apa yang terjadi dengan Wasiat tersebut yang asli?

45. Mahkamah ini mempunyai keraguan tentang Wasiat tersebut yang asli dan tentang niat sebenar simati akan tujuan Wasiat yang dilaksanakan oleh simati.

F

46. Walaupun terdapat salinan penduanya, memandangkan Wasiat tersebut yang asli ada dalam simpanan simati dan gagal dikemukakan oleh Defendan-Defendan yang mana Defendan Pertama dan Kedua mengesahkan yang mereka ada melihat salinan asli Wasiat tersebut maka timbul satu ketidakpastian akan niat sebenar simati pada saat-saat akhir
G sebelum kematiannya mengenai dengan Wasiat beliau.

[82] Dalam pliding, defendan-defendan memplidkan bahawa mereka telah melihat salinan asli wasiat yang disimpan dalam laci di bilik si mati tiga bulan sebelum kematiannya. Seterusnya, defendan-defendan memplidkan bahawa kunci laci tersebut di pegang oleh Sally Wong. Berdasarkan
H keterangan, Sally Wong adalah menantu plaintif. Defendan-defendan berhujah bahawa mereka tidak perlu memanggil Sally Wong, keputusan HMT memakai anggapan di bawah s. 114(g) adalah salah arah oleh HMT.

[83] Prinsip common law yang dinyatakan dalam kes *Allan v. Morrison* (*supra*) yang telah diputuskan oleh Privy Council dari New Zealand masih
I lagi menjadi prinsip yang diikuti sehingga ke hari ini walaupun telah menjangkau usia lebih dari 100 tahun. Prinsip undang-undang yang

dinyatakan dalam dalam *Allan v. Morrison* (*supra*) adalah bila mana suatu wasiat telah sempurna dilaksanakan, dilihat atau dikesan kali terakhir berada dalam pemilikan si mati pewasiat, tetapi atas kematiannya tidak dapat dikesan, anggapan adalah wasiat telah dimusnahkan oleh pewasiat sendiri (*animo revocandi*). Di ms. 610 perenggan 2, Privy Council menyatakan seperti berikut:

> It was not denied that there is a presumption (to use the language of Lord Wensleydale in *Welch v. Phillps*), "that if a will traced to the possession of the deacesed and last seen there is not forthcoming on his death, it is presumed to have been destroyed by himself: and that presumption must have effect unless there is sufficient evidence to rebut it."

[84] Dalam hujahannya, peguam defendan-defendan menghujahkan bahawa telah terdapat kes-kes terkini yang telah membuat keputusan berbeza, namun tiada kes yang dipetik bagi menyokong hujahan mereka. Kami bersetuju dengan HMT bahawa defendan-defendan telah gagal mencabar anggapan bahawa berkemungkinan si mati telah memusnahkan wasiat yang didakwa berdasarkan keterangan mereka sendiri yang hanya melihat suatu sampul yang mereka anggap mengandungi wasiat yang didakwa (walaupun dalam pliding memplidkan telah melihat wasiat yang didakwa) apabila gagal mengemukakan wasiat yang didakwa asli. Kes defendan-defendan dilemahkan lagi apabila berdasarkan pliding mereka sendiri memplidkan bahawa kunci laci yang didakwa di dalamnya disimpan wasiat asli dipegang oleh Sally Wong tetapi Sally Wong tidak dipanggil untuk menjelaskan ketiadaan wasiat asli dalam laci tersebut atau sampul yang didakwa mengandungi wasiat yang didakwa tersebut.

[85] Sama ada pengaju wasiat berjaya atau tidak mencabar anggapan tersebut adalah bergantung kepada keterangan bagi setiap kes. Berdasarkan keterangan dalam kes ini kami bersetuju dengan dapatan yang telah dibuat oleh HMT yang kami dapati dapatan tersebut tiada yang pelik (perverse) atau tidak munasabah berdasarkan keterangan di hadapan HMT. Mahkamah Persekutuan dalam kes *Ng Hoo Kui & Anor v. Wendy Tan Lee Peng* (*supra*) telah menegaskan dengan jelasnya bahawa mahkamah di peringkat rayuan hanya boleh mengganggu dapatan mahkamah bawahan apabila dapatan fakta oleh mahkamah bawahan itu terdapat kesalahan jelas (plainly wrong) sahaja. Kami dapati tiada dapatan fakta yang terdapat kesalahan jelas (plainly wrong) di sini.

Tuntutan-tuntutan Lain

[86] Tuntutan-tuntutan plaintif yang lain yang ditolak oleh HMT iaitu belanja perubatan, perbelanjaan pengkebumian dan perkara-perkara lain selain dari yang dibenarkan oleh HMT adalah tuntutan yang boleh dibuat terhadap pusaka si mati (tertakluk kepada pembuktian) di bawah undang-undang berkaitan pentadbiran pusaka tanpa wasiat apabila HMT telah

membenarkan beberapa deklarasi yang dipohon oleh plaintif yang memberi kesan bahawa si mati telah meninggal dunia tanpa meninggalkan wasiat. Oleh itu, HMT tidak membuat kesilapan dalam menolak sebahagian tuntutan plaintif di perenggan 11 pernyataan tuntutan seperti yang dinyatakan dalam perenggan 5 penghakiman ini.

Kesimpulan

[87] Kami berpendapat plaintif dan defendan-defendan dalam rayuan masing-masing telah tidak berjaya untuk menunjukkan bahawa HMT telah membuat keputusan bertentangan dengan keberatan keterangan dan keputusan yang pelik (perverse) dan tidak munasabah berdasarkan keterangan di hadapannya. Kami dapati tidak terdapat apa-apa kesalahan jelas (plainly wrong) yang mewajarkan kami di peringkat rayuan mencampuri keputusan HMT berdasarkan alasan rayuan yang dikemukakan.

[88] Berdasarkan di atas kami sebulat suara berpendapat kedua-dua rayuan tidak mempunyai merit oleh itu kedua-dua rayuan ditolak. Perintah Mahkamah Tinggi disahkan. Kami tidak membuat apa-apa perintah untuk kos.